


Jilid 1  
Bil. 41



Hari Khamis  
20hb Disember, 1979

**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

*SENATE*

PARLIMEN KELIMA

*Fifth Parliament*

PENGGAL PERTAMA

*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 4013]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Galakan Pelaburan (Pindaan) (No. 2) [Ruangan  
4042]**

**Rang Undang-undang Kumpulanwang Pembangunan (Pindaan)  
[Ruangan 4061]**

MALAYSIA

**PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TUN DATO' HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, S.S.M., P.M.N., S.P.M.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Sabah).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBAlDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.P. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J., J.P. (Johor).
- „ DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N J.P. (Dilantik).
- „ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P., P.K.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- ” DATO HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K. (Dilantik).
- ” TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- ” TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- ” TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- ” TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- ” TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- ” TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, K.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- ” TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- ” TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).
- ” TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- ” DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- ” TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- ” TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- ” TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- ” TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- ” TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- ” DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- ” DATO’ HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- ” TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- ” DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- ” TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- ” DATO’ PHUA CHENG LEONG, J.P. (Pahang).
- ” PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- ” RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- ” TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- ” PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- ” TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- ” TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- ” DATO SULAIMAN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- ” DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- ” TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- ” PUAN HAJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- ” DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., SB. ST. J., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- ” TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- ” TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- ” TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- ” PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad

## MALAYSIA

## DEWAN NEGARA

---

Khamis, 20hb Disember, 1979

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*  
*Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN

BADAN DAKWAH YANG  
MENYELEWENG

1. Puan Rahmah binti Othman minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan badan-badan dakwah yang berdaftar di negara ini; dan
- (b) sama ada Kerajaan sedar bahawa ada setengah-setengah badan dakwah menjalankan dakwah yang menyeleweng; jika ya, apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, suka saya menjawab pertanyaan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu tentu bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu sebenarnya tidak ada badan-badan yang didaftarkan khusus untuk berdakwah. Apa yang didapati pada masa sekarang ialah badan-badan yang didaftarkan untuk kegiatan-kegiatan yang lain seperti kebajikan, sosial dan di samping itu menjalankan kegiatan dakwah secara sampingan.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya iaitu oleh kerana kita sedar setengah-setengah badan-badan dakwah menjalankan dakwah menyeleweng sebab dakwah ini bukan dakwah Islam sahaja tetapi dakwah-

dakwah agama lain juga seperti dakwah Kristian, dakwah Hindu dan lain-lain, adakah Kerajaan menyelidiki di atas perkara ini.

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan tambahan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu iaitu pihak Bahagian Agama di Jabatan Perdana Menteri mengawasi dakwah-dakwah yang dikatakan tidak mengikut aliran agama yang sebenar dan ini diberi teguran. Baru-baru ini telah dipanggil beberapa orang yang difikirkan bertanggungjawab menyebarkan ajaran-ajaran yang tidak sesuai atau salah pada pandangan agama menghadiri kursus di Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri.

Walau bagaimanapun, sebagaimana yang saya telah maklumkan pada masa dahulu iaitu Kerajaan bercadang akan menubuhkan satu Pusat Dakwah untuk menyelaraskan semua sekali badan-badan dakwah yang telah wujud dalam negara kita ini.

Berhubung dengan dakwah Kristian ataupun agama-agama lain, mereka bolehlah berdakwah dalam masyarakat mereka sendiri, ini tidak dilarang oleh Perlembagaan kita yang berbunyi: "... other religions may be practised—not shall be practised—in peace and harmony in any part of the Federation." Bolehlah mereka itu menjalankan dakwah cara mereka dalam masyarakat mereka sendiri dan mereka tidak boleh berdakwah di dalam masyarakat Islam kerana agama Islam itu adalah agama rasmi Persekutuan Tanah Melayu.

Saya rasa berkenaan dengan dakwah agama-agama lain seperti agama Hindu, Buddha dan sebagainya tidak melarat mempengaruhi orang-orang Islam, dan cara dakwah mereka itu tidak menarik kepada orang-orang Islam, kerana missionary mereka itu tidak sebagaimana missionary Kristian yang

mempunyai wang yang banyak dengan memberi pertolongan kesihatan, pertolongan-pertolongan yang lain kepada orang miskin dan sebagainya.

Saya rasa dalam perjuangan dakwah di antara agama-agama dalam tanahair kita ini tidaklah membimbangkan kita, kalau usaha-usaha dakwah kita yang sebenar itu dapat dijalankan dengan sebaik-baiknya dan berhikmat.

**Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub:**

Berhubung dengan jawapan Yang Berhormat Menteri tentang dakwah yang menyeleweng, sukacita saya mendapat penjelasan tambahan tentang istilah ataupun ertikata menyeleweng yang dimaksudkan dalam soalan asal ini, adakah suatu majlis ataupun syarahan penerangan agama yang dikenali sebagai dakwah itu apabila ada menenteh soal-soal mungkar yang dilakukan sama ada oleh orang perseorangan, badan-badan tertentu atau setengah daripada undang-undang Kerajaan misalnya, adakah teguran atas asas: man ra'aminkum munkaran falyu ghaiyu ubi adik failam yastaih failisanik failam yastaih faiqalbik, tidak boleh dilakukan oleh golongan dakwah itu sehingga tidak boleh menegur sedikitpun tentang tindakan Kerajaan yang mungkin bercanggah dengan Quran dan Hadis dengan ertikata mungkar tadi. Itu saya suka hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang masalah itu.

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin jawapan saya ini panjang. Kalau saya jawab separuh-separuh nanti tidak faham. Kalau dakwah-dakwah itu menenteh ataupun memberi pandangan sesuatu perbuatan oleh seseorang atau masyarakat itu salah dari segi Al-Quran dan Sunnah, itu boleh diawasi kerana banyak keterangan di dalam Al-Quran dan Hadis bahawa dalam menyeru manusia pada mengikuti ajaran Allah dan Sunnah Rasul, sesiapa sahaja boleh memberi teguran.

Apa yang dikatakan dakwah menyeleweng, iaitu dakwah yang mengatakan dunia ini hak orang kafir, tidak perlu kita belajar sains, tidak perlu kita menuntut ilmu-ilmu lain, tidak perlu kita bergiat di dalam dunia ini, yakni memajukan dunia ini—ini adalah hak orang kafir, hak kita ialah akhirat—ini sudah salah, ini sudah menenteh Al-Quran. Al-Quran menyatakan (*Dengan izin*): “Wab-

taghi-fima-atakallah ad-darul akhirah wala tansa nasibaka minaddunya”. Tuntutlah—carilah peluang-peluang atau rebutlah peluang-peluang untuk kepentingan akhirat kamu, ertinya ajaran ugama mengenai fardu 'ain, sembahyang, puasa, haji dan sebagainya untuk kepentingan akhirat, tetapi sambil itu jangan kamu tinggalkan dunia ini, jangan kamu lupakan nasib kamu dalam dunia ini. Kamu perlu belajar, kamu perlu mempelajari sains, kamu perlu mempelajari ekonomi, kamu perlu mempelajari ilmu kesihatan, ilmu kedokteran dan segala-gala ilmu yang sudah wujud dalam dunia ini untuk membangunkan umat Islam dan negara yang kamu diami itu.

Jadi kalau ada orang mengatakan soal ini tidak ada dalam ugama, itu ajaran yang menyeleweng dan ajaran ini boleh membawa keruntuhan, kelemahan umat Islam dan negara ini. Itulah yang dikatakan dakwah yang menyeleweng, yang lari daripada garis Al-Quran dan Sunnah. Adapun kalau orang hendak menegur perbuatan-perbuatan yang terang-terang salah dari segi pandangan Al-Quran dan Sunnah, itu boleh ditegur, siapa sahaja boleh ditegur, mudah-mudahan teguran yang diberi itu akan memberi menafaat. “Fazakkir innafaatizikra”—Tuhan menyatakan dalam Al-Quran. Cara teguran itu biarlah cara berhikmah, jangan dengan cara maki-hamun, cara menuduh orang kafir, masuk neraka iaitu dengan cara tidak berhikmah. Tuhan menyeru manusia menerangkan tentang kedudukan dia, bagaimana dia dijadikan oleh Tuhan, apakah hubungannya dengan Tuhan dan ke mana dia akan pergi—“where are you going,” ke mana engkau hendak pergi selepas engkau mati? Ini semuanya falsafah-falsafah yang perlu diterangkan cara berhikmah yang ada di dalam Al-Quran. Maka cara ini Rasulullah telah berjaya cara menyeru dengan hikmah. “Yad'unailal khair wayakmuru nabil makruf wayanhauna anilmunkar”. Priority yang pertama ialah menyeru manusia kepada kebaikan.

Ini semua kita boleh buat dengan cara berhikmah dan ini telahpun dijalankan oleh negara kita. Negara kita telah banyak menjalankan usaha di dalam “Yad'unailal khair” dan “wayakmuru nabil makruf” seperti membangun, mengadakan hospital, mengadakan Kementerian Pertanian untuk mengeluarkan makanan yang mencukupi kepada

manusia, ini semuanya termasuk dalam memerintah dengan "makruf", memerintah dengan memberi kebajikan kepada manusia. Jadi telah banyak dilalukan oleh Kerajaan.

Apa yang saya maksudkan dakwah menyeleweng itu ialah dakwah negatif, bukan dakwah positif, bukan dakwah yang boleh membangun ummah, dakwah negatif itu kita larang ada satu lagi dakwah dari golongan yang mengaku bahawa gerakan mereka adalah membuat persediaan untuk menerima Imam Mahadi. Jadi ini semua dakwah-dakwah yang menyalahi dan tidak betul dengan ajaran agama dan melarang orang pakai baju Kebangsaan Melayu, macam kita pakai "suit" ini salah, tidak betul, yang betulnya pakai jubah atau kopiah dan sebagainya, ini tidak betul, ini bukan agama. Agama ialah di hati manusia, pakaian itu bukan agama.

Jadi dakwah-dakwah seumpama inilah dikatakan dakwah yang negatif, yang tidak memberi "contribution to the development of the country," yang tidak memberi satu sumbangan menimbulkan unsur-unsur yang menggalakkan orang-orang meninggikan taraf pelajarannya, taraf pembangunan, "standard of living", kesihatan dan sebagainya. Ini yang disuruh oleh agama. Adapun yang negatif itu kita katakan menyeleweng, dengan sebab itulah kita akan betulkan.

**Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah tidak Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa kalimah "dakwah" ini tidak menyeleweng tetapi orang yang menyampaikan itu yang tidak betul atau yang menyeleweng?

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Saya setuju 200% (*Ketawa*).

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh atau tidak bagi pihak Kerajaan sebab dakwah yang menyeleweng dan sebagainya, bukan hendak mengambil tindakan—tidak; pihak Kerajaan pula mestilah melawan dakwah ini dengan betul-betul mengetahui apa yang menyeleweng, apa yang songsang sebab di kalangan orang Melayu, orang Islam hasad dengki, khianat di antara mereka, jatuh menjatuhkan di antara satu dengan lain, ini lebih dahsyat lagi di antara orang Islam. Dakwah yang dikatakan oleh

orang Islam tidak boleh buat begini, tidak boleh buat begitu, boleh atau tidak Kerajaan buat begini di segi Pejabat Agama?

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, di Jabatan Perdana Menteri kita sudah ada Bahagian Agama berkenaan dengan menjalankan soal propaganda agama dan banyak kita keluarkan risalah-risalah, melawan Qadiani dan menerangkan jalan-jalan yang betul yang dibawa oleh Nabi besar kita Muhammad (s.a.w.) dan juga kita menerangkan bahawa agama Islam bukanlah semata-mata agama orang Arab. Agama Islam ini ialah agama seluruh manusia dalam dunia ini dengan sebab itu agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad itu sesuai dengan seluruh manusia dalam dunia ini mengenai segala perkara-perkara yang boleh membawa kemajuan kepada manusia. Tetapi walau bagaimanapun kita akan tubuhkan satu Darul Quran (centre) untuk mengkaji Al-Quran dan Hadis yang boleh kita mengeluarkan risalah-risalah kepada seluruh umat dalam negara kita ini termasuklah orang-orang yang bukan Islam untuk mengkaji kebaikan agama yang dibawa oleh Nabi besar kita, Nabi Muhammad (s.a.w.). Dan juga kita mengeluarkan risalah-risalah menerangkan agama Tuhan itu adalah satu sahaja bukan banyak agama Tuhan itu mula berkembang daripada Nabi Noh a.s. Ibrahim a.s., Isa a.s. Musa a.s. dan akhir sekali Nabi Muhammad s.a.w. kita tidak hendak menuduh kepada agama Kristian kerana agama Kristian adalah berpunca daripada agama yang dibawa oleh Nabi Isa a.s., cuma penyelewengan telah berlaku terutamanya oleh St Paul, yang banyak membuat pengeliruan di dalam agama Kristian dan kita cuba membetulkan. Dalam Pusat Islam kita sudah membuat dan sedang menguruskan untuk mencetak khulasah Al-Quran, dan ada seorang khas yang kita beri tanggungjawab untuk mengeluarkan khulasah Al-Quran iaitu keterangan-keterangan Al-Quran dari satu surah kepada satu surah. Ada 114 surah semua sekali dan menerangkan "essence of the surah" untuk perkembangan agama Islam.

Usaha ini sedang dibuat dengan jayanya dan lagi Kerajaan telah meluluskan satu peruntukan sebanyak \$26 juta untuk kita mendirikan Pusat Penyelidikan Islam bagi South

East Asia ini dan tapak ini sedang diusahakan dan bangunan akan bermula dalam tahun 1980, insya Allah, kita akan berusaha bersungguh-sungguh atas perkara ini.

**Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi ketegasan berhubung dengan jawapan Yang Berhormat tadi bahawa walau siapapun boleh ditegur oleh golongan dakwah ini, hatta Menteri kita sendiri pun kalau melakukan kesilapan, bukan menyerang tetapi menegur.

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Memang boleh. Ugama Islam adalah ugama nasihat. Bukan merendahkan taraf manusia, tidak. Menyedarkan manusia Fazakkir inna faatiz-zikkra. Saya hendak beri faham dan memberi pengertian kepada orang-orang berdakwah tentang beza menyerang dengan mengingat ini adalah dua makna itu. Mengingat dengan menyerang. Menyerang menimbulkan kemarahan orang, mengingat menimbulkan kesedaran manusia. Sebab itu dalam Quran tidak ada satu perkataan yang digunakan "menyerang" melainkan "Fazakkir", mengingat, mengingat. Kalau cara itulah kita membawa dakwah tiada orang marah berdakwah, kalau kita membawa satu dakwah yang betul-betul mengikut Al-Quran. Tetapi kalau mengikut emotional manusia semua orang marah kerana mengikut emotional manusia—apa motif dia. Kalau motif dia politik timbul perkara politik, kalau motif dia hendak hentam orang, dia timbul cara hendak hentam orang, kalau motif dia hasad dia timbul perkara hasad. Ini yang dimarah oleh orang. Kalau betul-betul mengikut Quran tiada orang yang marah.

## MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN

**2. Tuan Haji Nordin bin Pesah** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan bahawa memandangkan kemerosotan pencapaian peringkat kejohanan peserta Malaysia di Musabaqah Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa apakah tindakan yang akan diambil dari segi memulihkan pencapaian tersebut di masa akan datang.

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa kemungkinan besar kemerosotan

pencapaian peserta-peserta Malaysia di Musabaqah Membaca Al-Quran peringkat Antarabangsa ialah kerana mutu bacaan qari dan qariah dari negara-negara lain telah meningkat dengan lebih tingginya. Peserta-peserta dari negara lain memberikan persaingan hebat kepada qari dan qariah kita dengan adanya kemajuan pertandingan pada keseluruhannya tiap-tiap tahun. Adalah tidak wajar bagi kita menganggap bahawa prestasi qari dan qariah dari negara ini berkurangan mutu atau merosot oleh sebab tidak berjaya mencapai peringkat kejohanan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kerajaan telahpun berusaha untuk menjamin mutu pembacaan yang baik bagi qari-qari dan qariah-qariah di negara kita ini dengan melancarkan Kursus Membaca dan Menghafaz Al-Quran semenjak tahun 1966 lagi.

Selain daripada menjalankan Kursus Membaca dan menghafaz ini Kerajaan sedang berusaha untuk menubuhkan sebuah Pusat yang dinamakan Darul Quran. Ini yang saya katakan tadi Darul Quran. Darul Quran ini adalah sebuah Pusat Penyelidikan dan Latihan yang di antara aktiviti-aktiviti ialah memberi latihan kepada peserta-peserta dalam membaca dan mentafsirkan Al-Quran. Selain daripada itu research.

Di samping itu pada peringkat kebangsaan Kerajaan Persekutuan akan terus mengadakan Muzakarah Hakim-hakim untuk menjamin mutu penghakiman yang baik mengikut lunas-lunas yang dipersetujui oleh pakar-pakar yang ahli dalam beberapa aspek bacaan Al-Quran.

**Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad:** Tidakkah Yang Berhormat itu sedar bahawa pertandingan ini datangnya daripada Negeri-negeri walaupun dianjurkan oleh Kerajaan Persekutuan tetapi calon-calonnya datang daripada Negeri-negeri. Maka adakah Negeri-negeri di Malaysia yang mengambil bahagian di dalam Musabaqah Membaca Al-Quran itu membuat sesuatu kemajuan di Negeri masing-masing. Adapun yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi ialah Peringkat Persekutuan, Peringkat Persekutuan barangkali lain daripada Peringkat Negeri. Saya hendak bertanya Peringkat Negeri yang boleh menambahkan kemajuan dan memperbaiki mutu bacaan itu, apa yang diusahakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri.

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Kerajaan telah memberi arahan untuk mengadakan kursus-kursus dan bacaan-bacaan Quran dan pengkajian Quran di seluruh negara pada negeri-negeri di masa yang sudah-sudah.

### PETRONAS—PELANTAR MINYAK DI TRENGGANU

**3. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar tentang layanan dan penyediaan makanan yang tidak sempurna di tempat makan pelantar minyak PETRONAS di Trengganu sekarang ini di mana didapati makanan orang Islam dan bukan orang Islam dihidangkan bersama.

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar, pada masa dulu, tidak ada sebarang peraturan yang telah dibuat di pelantar tempat makan PETRONAS di Trengganu untuk menghidangkan makanan untuk orang Islam.

Sungguhpun demikian makanan orang Islam dan yang bukan Islam di tempat makanan itu adalah disediakan di kawasan dapur yang berlainan dan dengan menggunakan alat-alat yang berlainan. Di atas kapal simpanan minyak "Esso Mercia" di mana kemudahan dapur yang berlainan tidak ada, hanya makanan orang Islam disediakan untuk pekerja-pekerja keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang yang menjadi masalah di pelantar tempat makanan itu ialah terhadnya ruang untuk menyediakan dua kemudahan tempat makan yang berasingan untuk orang Islam dan bukan Islam. Namun begitu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun mengarahkan PETRONAS untuk menyasat tentang perkara ini dengan tujuan supaya boleh diadakan kemudahan tempat makan berasingan bagi orang-orang Islam.

**Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri telah menjawab perkara ini benar. Saya hendak membuat soal tambahan, adakah tempat sembahyang bagi orang Islam disediakan di pelantar itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu minta notis.

**Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad:** Soalan tambahan. Sebagaimana kata Yang Berhormat tadi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudahpun memerintahkan supaya menyasat perkara ini dan dibetulkan. Maka adakah perkara seumpama ini telah diperintahkan juga bagi pelantar-pelantar minyak di Sabah dan Sarawak.

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tidak timbul soal Sabah dan Sarawak.

### PENGHIJRAHAN RAKYAT KE BANDAR-BANDAR

**4. Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh (di bawah S.O. 23 (2))** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada menjadi dasar Kerajaan menggalakkan penghijrahan rakyat dari kawasan-kawasan luar bandar ke bandar-bandar dan apakah tindakan yang sedang atau yang akan diambil untuk mengatasi masalah sosio-ekonomi yang disebabkan oleh penghijrahan di kawasan-kawasan yang sesak padat seperti Petaling Jaya dan Kuala Lumpur.

**Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf):** Tuan Yang di-Pertua, penghijrahan rakyat dari kawasan luar bandar ke bandar-bandar adalah satu peristiwa yang berlaku di negara-negara di serata dunia yang memberi kebebasan untuk bergerak kepada rakyat-rakyatnya. Negara kita juga tidak terkecuali dari mengalami proses penghijrahan ini, walaupun Kerajaan tidak menggalakkannya.

Kerajaan adalah tidak menghalang kebebasan rakyat-rakyat di kawasan luar bandar untuk berhijrahan ke bandar-bandar. Namun demikian Kerajaan telah, sedang dan akan terus mengambil langkah-langkah untuk memajukan pertanian dan meninggikan taraf hidup rakyat di kawasan-kawasan luar bandar dengan tujuan untuk menggalakkan mereka supaya lebih berminat untuk terus tinggal dan bekerja di kawasan-kawasan luar bandar. Langkah-langkah ini termasuklah bantuan-bantuan pertanian seperti benih dan baja, pembukaan dan pembangunan tanah-tanah baru. Kerajaan juga menggalakkan kemajuan perusahaan-perusahaan kecil di luar bandar yang berasaskan bahan-bahan dan punca tempatan. Kemudahan-kemudahan prasarana seperti bekalan air, api dan

jalan dan kemudahan-kemudahan lain termasuk pinjaman kredit dan pemasaran juga disediakan oleh Kerajaan supaya kemudahan-kemudahan yang ada di bandar-bandar boleh juga didapati di luar bandar. Pekan-pekan baru yang dilengkapi dengan berbagai kemudahan termasuk rekreasi juga akan diadakan di luar-luar bandar untuk memodenkan lagi sektor luar bandar.

Bagi mereka yang telahpun berada di bandar-bandar, Kerajaan akan terus berusaha untuk menyediakan berbagai rancangan dan kemudahan kepada mereka dan rakyat-rakyat lain di bandar seperti perumahan kos rendah yang teratur, menggalakkan ketumbuhan peluang-peluang perniagaan dan peluang-peluang pekerjaan serta berbagai-bagai kemudahan lain seperti sukan, rekreasi dan sebagainya. Ini diharap akan dapat mengatasi masalah-masalah yang disebabkan oleh penghijrahan berkenaan.

#### KEJADIAN LEMPAR BATU KEPADA KERETAPI

5. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilangan kejadian lempar batu kepada Keretapi Tanah Melayu dalam tahun lepas dan tahun ini dan nyatakan tindakan yang telah diambil dalam perkara ini.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff):** Tuan Yang di-Pertua, butir-butir berkaitan dengan kejadian melempar batu kepada train adalah seperti berikut:

| Tahun                      | Kejadian | Cedera |
|----------------------------|----------|--------|
| 1977                       | 247      | 37     |
| 1978                       | 162      | 21     |
| 1979 (Sehingga<br>Oktober) | 120      | 22     |

Pada lazimnya pihak polis akan menyiasat tiap-tiap incident melempar batu kepada train dan akan mengambil tindakan mahkamah terhadap orang-orang yang bersalah sekiranya terdapat bukti-bukti yang cukup. Walau bagaimanapun, bukti-bukti yang dikehendaki itu sukar untuk didapati dalam jenayah seperti ini. Namun demikian pihak polis masih meneruskan kegiatan mereka untuk mencegah sama sekali incident melempar batu kepada train dengan mengadakan dialog dengan ketua-ketua kampung dan

penduduk-penduduk kawasan perumahan setinggan agar dapat mereka memberi nasihat-nasihat kepada anak-anak buahnya tentang bahaya melemparkan batu kepada train yang akan mencederakan penumpang-penumpang serta juga menjahanamkan harta Kerajaan. Sejak pihak polis bertindak, incident-incident merejam batu kepada train telah berkurangan.

**Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad:** Soalan tambahan. Tidakkah satu perkara yang ajaib, Tuan Yang di-Pertua, perkara melemparkan batu ini tidak putus-putus, tiap-tiap tahun beratus-ratus kali berlaku kejadian melempar batu kepada keretapi, tetapi perkara ini tidak pun berlaku kepada bas-bas dan teksi-teksi (*Ketawa*).

Jadi adakah tidak terlintas kepada fikiran Yang Berhormat Timbalan Menteri perkara ini adalah disebabkan oleh anasir-anasir jahat yang teratur ataupun satu perkara sabotaje untuk melemahkan keretapi sendiri oleh pihak-pihak yang lain, umpamanya, kompeni-kompeni bas ataupun kompeni-kompeni teksi untuk melemahkan keretapi. Kenapa yang kita mengatakan anak-anak buah daripada kampung itu sahaja? Tidakkah maknanya terlintas daripada fikiran Yang Berhormat Timbalan Menteri perkara ini adalah satu kejadian yang diatur oleh pihak-pihak yang tertentu untuk melumpuhkan keretapi. Tidakkah begitu?

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berfikir bahawa perbuatan ini dilakukan dengan secara teratur dan saya tidak juga berfikir bahawa tidak ada kejadian ataupun incident dilakukan kepada bas ataupun kenderaan pesendirian. Tinggal lagi barangkali masalahnya tidaklah begitu berbangkit seperti keadaan keretapi di mana terdapat banyak tempat keretapi melalui di tengah-tengah kampung setinggan-setinggan dalam mana barangkali terdapat anak-anak yang nakal yang menjalankan kerja-kerja seperti ini.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bersetuju atau tidak dengan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu bas dan motokar tidak dibaling. Oleh kerana motokar kalau dibaling dia berek dan dia hentamnya orang yang baling itu. (*Ketawa*). Tetapi oleh kerana keretapi ini tidak boleh berek dia terus sahaja. Jadi adakah setuju dengan apa yang saya maksudkan itu?

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Saya bersetuju.

### HARGA MINYAK—KEKURANGAN

**6. Tuan Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Malaysia dapat mengatasi masalah kekurangan minyak serta kenaikan harga minyak memandangkan negara kita adalah salah sebuah negara pengeluar minyak.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun menjawab soalan yang serupa semasa saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Puan Hajjah Fatimah pada 12hb Disember, 1979 dan saya tidak ada apa-apa tambahan.

**Tuan Ibrahim bin Abdullah:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab negara kita ini ada mengeluarkan minyak jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tidakkah pengeluaran minyak negara kita ini dapat menjamin kekurangan minyak ini dalam masa setengah abad yang akan datang ataupun dalam masa 10 tahun yang akan datang?

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun negara kita ada mengeluarkan minyak mentah dan masa sekarang pengeluarannya sampai paras 280,000 hingga 300,000 tong sehari dan kita cuma menggunakan 130,000 tong sehari. Dari angka ini boleh dikatakan Malaysia ialah satu "nett exporter" yang mana daripada 280,000 tong kita mengekspot 150,000 tong dan daripada 130,000 tong yang kita proses di Malaysia kita ini, 70,000 datang dari Asia Barat.

Satu sebab yang mana kita mengekspot minyak mentah kita ini ialah minyak mentah negara kita ini mengandungi "low sulphur light crude," jadi harganya lebih dan ini berfaedah kepada negara jika kita mengekspot minyak mentah yang harganya tinggi dan menggunakan wang ini untuk membeli minyak mentah "Arabian crude" yang mana harganya rendah. Jadi masalah sekarang di negara kita ini kekurangan bekalan barang-barang petroleum seperti gasoline, diesel, minyak tanah dan sebagainya ialah disebabkan keupayaan "capacity" untuk processing adalah terhad. Saya rasa dalam tiga atau

empat tahun yang akan datang yang mana PETRONAS telah mengadakan "refinery", bekalan barang-barang petroleum adalah mencukupi untuk kegunaan rakyat Malaysia.

### CUKAI JALAN BAGI MOTOSIKAL

**7. Puan Dasimah Dasir** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan menurunkan kadar cukai jalan bagi motosikal dan sekutar.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mak Hon Kam):** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, cukai jalan yang dibenarkan terhadap motosikal dan sekutar adalah amat berapatan dan oleh yang demikian, Kerajaan tidak bercadang menurunkan kadar cukai tersebut.

### PESAKIT JANTUNG BERLUBANG

**8. Tuan V. V. Aboo** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (i) tindakan yang telah diambil untuk memberi perkhidmatan kepada pesakit jantung berlubang yang kian ramai di negara ini; dan
- (ii) bilangan pesakit jantung sepanjang tahun 1977 dan 1978 yang meninggal dunia dan yang masih menunggu pembedahan selanjutnya.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana terdapat kemudahan-kemudahan perubatan yang lebih moden dan lengkap oleh kerana bertambahnya pakar-pakar yang berpengalaman dalam bidang perubatan, bidang penyakit jantung dan kanak-kanak maka lebih banyak kes-kes penyakit jantung berlubang telah dapat dikesan. Pesakit-pesakit jantung berlubang (congenital heart defects) adalah dikesan oleh Pakar Kanak-kanak dan lain-lain di seluruh negara. Apabila kes-kes jantung berlubang ini dikesan, ianya bolehlah dirujuk, kalau perlu kepada Pakar Perunding Penyakit Jantung Hospital Besar, Kuala Lumpur untuk mendapat pengesahan (second opinion) dan juga nasihat yang perlu supaya rawatan dan tindakan yang sewajarnya dapat diambil. Ada kalanya pesakit-pesakit ini terpaksa dirujuk untuk rawatan

ke luar negeri sungguhpun ada juga pembedahan ini dapat dijalankan di dalam negara kita, kedua-duanya iaitu open heart and close heart surgery.

Dengan tujuan memudahkan pesakit-pesakit jantung berlubang mendapatkan rawatan di negara ini, maka Kementerian Kesihatan ada mempunyai satu rancangan untuk mengujudkan sebuah "Cardiac Centre" di Kuala Lumpur dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Kementerian ini tidak mempunyai angka yang lengkap mengenai pesakit-pesakit jantung yang meninggal dunia dari tahun 1977 dan 1978. Pada masa ini ada 208 pesakit yang sedang menunggu di Hospital Universiti untuk "open heart surgery", dan 17 kes pula sedang menunggu di Hospital Besar, Pulau Pinang untuk "close heart surgery".

## LOTERI KEBAJIKAN MASYARAKAT

9. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain minta Menteri Kebajikan Am menyatakan:

- (a) mentadbirkan Loteri Kebajikan Masyarakat;
- (b) peratus hasil Loteri yang diterima oleh Kementerian Kebajikan Am dan caranya hasil-hasil wang Loteri Kebajikan Masyarakat ini digunakan; dan
- (c) anggaran hasil keuntungan Loteri Kebajikan Masyarakat pada tiap-tiap kali cabutannya dan bilangan cabutan Loteri ini dalam tempoh setahun.

**Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan adalah badan yang bertanggungjawab bagi mentadbirkan Loteri Kebajikan Masyarakat sebagaimana yang dikehendaki oleh Undang-undang Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan.
- (b) Sukalah saya menerangkan, hasil daripada Loteri yang dijalankan oleh Lembaga ini adalah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan (Consolidated Fund) di bawah pentadbiran Perbendaharaan Malaysia. Sebab itu tidaklah pula ditetapkan peratus khas

yang diberi kepada Kementerian saya tetapi bergantunglah kepada keperluan-keperluan bantuan yang diperlukan dari masa ke semasa dan begitu juga tidaklah pula ditetapkan cara-cara tertentu wang loteri ini digunakan.

- (c) Anggaran hasil keuntungan daripada satu cabutan Loteri ialah lebih kurang \$700,000 dan dalam setahun ada 18 kali cabutan.

**Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama, kenapa Kementerian ini tidak mengambil alih daripada badan pentadbiran yang sekarang diletakkan benar-benar di bawah Kementerian Kebajikan Am. Kedua, tidakkah boleh Yang Berhormat Menteri berikhtiar dan diusahakan jalan kebajikan yang lain supaya dapat menghapuskan Loteri Kebajikan Masyarakat ini.

**Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Untuk soalan yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, setakat ini ialah kita memikirkan tidak ada apa salahnya wang ini dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan iaitu untuk ditadbirkan oleh Perbendaharaan Malaysia.

Yang kedua, kita memanglah ada jalan-jalan lain untuk memungut wang untuk kebajikan tetapi kita memikirkan setakat ini, iaitu Loteri Kebajikan Masyarakat ini banyak boleh menampung keperluan-keperluan kebajikan yang lain.

**Tuan Abdul Razak bin Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan setakat hari ini berapa banyakkah wang-wang yang tidak dituntut oleh pemenang-pemenang yang saya dapat tahu banyak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu soalan lain dan berkehendakkan notis.

**Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub:** Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan supaya hasil daripada Loteri Kebajikan Masyarakat ini dirujuk kepada fatwa Majlis Hal Ehwal Ugama tentang hasil sama ada termasuk dalam istilah judi ataupun tidak. Bolehkah Yang Berhormat Menteri berbuat begitu?

**Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Sudah dirujuk, Tuan Yang di-Pertua.

### PROJEK JAMBATAN PULAU PINANG

**10. Tuan M. Mahalingam** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan tentang kemajuan Projek Jambatan Pulau Pinang dalam erti kata bila dijadual akan mula dibina dan jumlah perbebanan bagi menyiapkan pembinaan jambatan tersebut.

**Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu, sukacita saya memaklumkan bahawa kedudukan kemajuan Projek Jambatan Pulau Pinang Tanah Besar Semenanjung ini pada masa sekarang adalah seperti berikut:

- (1) Kerja-kerja rekabentuk Jambatan dan Jalan-jalan berada dalam peringkat terakhir dan dijangka siap tidak lama lagi.
- (2) Tawaran kerja-kerja menambak (reclamation) bagi Penang Island Interchange telahpun dikeluarkan baharu-baharu ini dan kerja-kerja akan berjalan sedikit masa lagi.

Kerja-kerja pembinaan Jambatan seterusnya akan dijalankan secara pukol (package deal) dan dijangka akan dimulakan sebelum akhir tahun 1980.

Keseluruhan projek ini dijangka siap pada tahun 1984 dan anggaran perbelanjaan pembinaan pada masa sekarang ialah kira-kira \$400 juta.

**Tuan T. S. Gabriel:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu mengapa satu rancangan yang terbesar sekali dalam sejarah Malaysia ini disenyap-senyapkan oleh kerana rakyat cuma mendengar tiga kali iaitu semasa pilihanraya umum 1969, 1974 dan 1978. Kemudian Almarhum Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Ucapan Baginda dalam tahun 1977, Baginda telah berkata bahawa rakyat akan mengadakan jambatan ini pada tahun 1981, jika saya tidak silap. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri sungguhpun Yang Berhormat itu masih baharu lagi dalam perkara

ini, betulkah rakyat akan dapat menggunakan jambatan ini dalam tahun 1981 seperti mana beliau janjikan tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi sudah dijawab.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat katakan tadi sebab-sebabnya dalam sejarah Malaysia jambatan ini akan menjadi sebuah jambatan yang terbesar, peruntukannya pun besar dan kajiannya pun mestilah mendalam, sebab itu kita mengambil masa. Saya harap oleh kerana sejarah ini kita boleh nampak bukan lama lagi, saya harap Yang Berhormat tunggu lagi 4 tahun, bolehlah kita dapat berjalan di atas jambatan itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Insy Allah.

### PENDATANG HARAM VIETNAM KEBANJIRAN

**11. Puan Zawiah binti Abdullah** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa seramai sejuta orang rakyat Vietnam keturunan Cina sedang bersiap sedia untuk lari dari Vietnam selepas musim tengkujuh di negara itu; jika sedar apakah persediaan-persediaan atau persiapan-persiapan yang positif beliau akan ambil bagi mengelakkan banjir orang-orang Vietnam itu ke negara kita.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj):** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat adalah mendapat banyak mengetahui tentang maklumat-maklumat berkenaan jumlah rakyat Vietnam yang hendak keluar daripada negaranya. Walau bagaimanapun, sukalah saya nyatakan di sini kita memanglah sentiasa mengambil langkah-langkah mencegah seperti yang dijalankan sekarang ini iaitu rondaan-rondaan dan kawalan-kawalan yang lebih ketat di bahagian Laut China Selatan bagi menghalang mereka yang cuba masuk ke negara kita ini.

Dalam perkara hal ehwal pendatang haram ini banyak telah dibangkitkan dan banyak telahpun diterangkan, seterusnya tentang bilangan-bilangan pendatang haram yang datang dan yang keluar dan banyak siaran-siaran berita telahpun dikeluarkan

dan banyak angka-angka setengah-setengahnya betul dan setengah-setengahnya tidak, sukalah saya membetulkan angka yang telah diberi pada hari semalam sebanyak 45,000 orang iaitu daripada bulan Januari hingga Disember 1979 yang masih ada bakinya lagi sekarang ini. Tetapi yang sebenarnya baki sehingga setakat pada hari ini yang masih ada pendatang haram itu ialah sebanyak 33,074 orang sahaja. ...

#### PERSATUAN SUKU KAUM DI SABAH

12. Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh *di bawah S.O. 23 (2)* minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada sedar bahawa tidak lebih dari 10 Persatuan Suku Kaum di Sabah telah didaftarkan dan akibatnya kini perpaduan di kalangan suku kaum di Negeri itu terancam.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin *Al-haj*: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat itu di Dewan ini, sukalah saya menyatakan bahawa penubuhan persatuan-persatuan termasuklah Persatuan-persatuan Suku Kaum itu tidaklah akan menimbulkan perpecahan antara kaum kerana dalam objektif atau matlamat penubuhan sesuatu persatuan itu tidak ada yang menyeru ke arah perpecahan ataupun perselisihan. Apa yang berlaku ialah mungkin berpunca dari adanya fahaman yang sempit daripada setengah-setengah pihak atau pemimpin dalam sebuah persatuan itu yang boleh menyinggung ataupun menyentuh perasaan pihak-pihak yang lain. Perkara seperti ini boleh dihapus-

kan sekiranya ada kesedaran pihak-pihak yang berkenaan untuk tidak bertindak sedemikian rupa.

#### PELAJAR-PELAJAR MENDAPAT BIASISWA DI LUAR NEGERI

13. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bilangan pelajar-pelajar kita yang menuntut di luar negeri sekarang ini khasnya di United Kingdom, Australia dan Amerika; dan
- (b) jumlah biasiswa yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian tiap-tiap tahun dan bilangan mereka yang menuntut dalam jurusan perubatan.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan:

- (a) Bilangan pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di luar negeri sekarang ini adalah dianggarkan seramai 40,600 orang. Dari bilangan tersebut terdapat kira-kira 16,100 orang pelajar yang sedang menuntut di United Kingdom, 5,000 orang di Australia dan 3,200 orang di Amerika Syarikat.
- (b) Jumlah biasiswa yang dihadiahkan oleh Kementerian Pelajaran dalam tahun-tahun 1974 hingga 1979 untuk melanjutkan pelajaran ke seberang laut, saya minta maaf tidak dapat dibaca senarainya oleh sebab begitu panjang, saya bentangkan sebagai Lampiran "A".

**JUMLAH BIASISWA KEMENTERIAN PELAJARAN DARI TAHUN 1974 HINGGA 1979  
UNTUK MELANJUTKAN PELAJARAN DI SEBERANG LAUT**

| <i>Bil.</i> | <i>Tempat Pengajian</i> | <i>Jenis Biasiswa</i>   | <i>Tahun</i> |             |             |             |             | <i>Jumlah Besar</i> |              |
|-------------|-------------------------|---|--------------|-------------|-------------|-------------|-------------|---------------------|--------------|
|             |                         |   | <i>1974</i>  | <i>1975</i> | <i>1976</i> | <i>1977</i> | <i>1978</i> |                     | <i>1979</i>  |
| 1.          | United Kingdom ..       | (a) Biasiswa Perguruan Persekutuan di bawah Rancangan Bersama Pra-Universiti untuk kursus GCE 'A' Level.  | 40           | 91          | 74          | 155         | 280         | 150                 | 790          |
|             |                         | (b) Biasiswa Perguruan Persekutuan untuk kursus Sains Rumah Tangga.                                       | —            | 4           | 5           | 5           | —           | —                   | 14           |
|             |                         | (c) Biasiswa Perguruan Persekutuan untuk kursus Kejuruteraan.   | 2            | 9           | 10          | —           | 12          | 2                   | 35           |
|             |                         | (d) Biasiswa di bawah Rancangan Latihan Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelajaran.                           | —            | —           | —           | 49          | 32          | 32                  | 113          |
| 2.          | Amerika Syarikat ..     | (a) Biasiswa Perguruan Persekutuan di bawah Rancangan Bersama Pra-Universiti untuk kursus Ijazah Pertama. | —            | —           | —           | —           | 29          | 159                 | 188          |
|             |                         | (b) Biasiswa di bawah Rancangan Latihan Pegawai Perkhidmatan Pelajaran.                                   | —            | —           | —           | 20          | 30          | 14                  | 64           |
| 3.          | Mesir .. ..             | (a) Biasiswa Perguruan Persekutuan bagi kursus Pengajian Islam dan Bahasa Arab di Cairo.                  | —            | 2           | 6           | 16          | 12          | 11                  | 47           |
| 4.          | Indonesia .. ..         | (a) Biasiswa Perguruan Persekutuan bagi kursus Sains/Sastera.   | 4            | 3           | 7           | 18          | 6           | 8                   | 46           |
|             |                         | <b>JUMLAH BESAR ..</b>  | <u>46</u>    | <u>109</u>  | <u>102</u>  | <u>263</u>  | <u>401</u>  | <u>376</u>          | <u>1,297</u> |

**Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri Pelajaran tadi menyatakan bahawa jumlah penuntut ini dianggarkan. Jadi bermaknalah boleh jadi lebih ataupun boleh jadi kurang. Adakah pihak Kementerian ini bercadang supaya satu senarai yang lengkap menentukan jumlah penuntut-penuntut kita di luar negeri di negeri-negeri yang berkaitan?

**Dato' Musa bin Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, anggaran ini kemungkinan besar lebih dan tidak ada kemungkinan kurang. Anggaran ini ialah berasas kepada pendaftaran yang telahpun dibuat oleh Kementerian Pelajaran melalui agensi-agensi yang ada hubungan dengan penghantaran pelajar-pelajar ke luar negeri ataupun daripada pelajar-pelajar persendirian yang dengan sendirinya mendaftarkan diri mereka oleh sebab-sebab yang tertentu di pusat-pusat ataupun kedutaan-kedutaan kita di luar negeri dan pada masa ini pihak Kementerian sendiri sedang berusaha untuk menambahkan lagi senarai ini untuk memberi maklumat kepada pelajar-pelajar di luar negeri atas adanya kemudahan-kemudahan pendaftaran mereka dan bagaimana perlu mereka mendaftarkan diri mereka dengan kedutaan-kedutaan kita oleh sebab dengan cara itulah kalau ada sesuatu perkara meminta bantuan dan sebagainya, kejadian di negara-negara yang berkenaan dapatlah kita pastikan kedudukan pelajar-pelajar itu untuk kepentingan mereka.

#### LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA PULAU PINANG

**14. Datuk Syed Hassan Aidid** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa walaupun Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang telah diperbesar dan dibaiki dengan menelan belanja hampir \$100 juta pada tahun lalu, namun keadaannya masih tidak berubah, iaitu lengang sahaja dahulu yang mendatangkan kekecewaan kepada industri pelancung; jika ya, mengapa dan bilakah kapal terbang-kapal terbang besar dari seluruh dunia akan dapat mendarat di sini.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan ini barangkali telahpun saya jelaskan dalam menjawab ucapan Belanjawan. Walau

bagaimanapun izinkanlah saya berkata bahawa Lapangan Terbang Pulau Pinang telah diperbesar untuk melegakan kesesakan di bangunan terminal yang lama selaras dengan anggaran kadar pertumbuhan penumpang dan traffic. Oleh itu, kadar penggunaan lapangan terbang ini tidaklah seharusnya dilihat pada masa sekarang sahaja kerana ianya juga dibina untuk kegunaan di masa hadapan.

Untuk makluman Yang Berhormat barangkali sebagai contoh lapangan terbang Antarabangsa Subang yang dibina dalam lingkungan 10 tahun yang lalu, malah pada masa dibina lapangan terbang itu dikatakan besar tetapi keadaan yang berlaku pada masa ini walaupun dalam jangka masa yang tidak sampai 10 tahun lapangan terbang itu sudah menjadi sesak. Demikian juga keadaan pembinaan bagi Lapangan Terbang Pulau Pinang. Kementerian saya sentiasa memberi peluang kepada perkhidmatan charter antarabangsa menggunakan Lapangan Terbang Pulau Pinang sebagai langkah menggalakkan penggunaan lapangan tersebut sepenuhnya.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Untuk menggalakkan boleh atau tidak Kementerian yang bertanggungjawab bagaimana SIA telah buat iaitu propaganda, dakyah mesti ada untuk orang datang ke Malaysia terutama ke Pulau Pinang. Kalau kita tengok di televisyen, di Tokyo negeri Jepun, di televisyen Jepun mengatakan datang ke Singapura kerana ada berbagai-bagai. Di England atau di Amerika, tetapi MAS tidak buat begitu. Jadi boleh atau tidak dibuat iaitu dengan menggunakan sedikit sebanyak wang daripada Kementerian supaya menarik peminat-peminat datang ke Pulau Pinang supaya bukan sahaja menggalakkan kapal terbang datang banyak, tetapi oleh kerana tourists banyak dapat mengkayakan lagi penduduk-penduduk di Pulau Pinang dan negara seterusnya. Boleh atau tidak dibuat begitu.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, barangkali tentulah boleh saya katakan kurang bijak kalau kita hendak membandingkan Singapura sebagai sebuah negara yang telah lama mengestablishkan lapangan terbangnya sebagai sebuah Lapangan Terbang Antarabangsa dengan Pulau Pinang.

Mengenai masalah mengadakan iklan dan seumpamanya, memang MAS menjalankan tugas-tugas ini bukan sahaja baru malah sejak mula-mula ditubuhkan bagi sehingga sekarang. Demikian juga pihak TDC menjalankan tugas-tugas memberikan gambaran-gambaran yang baik untuk menarik pelancong ke Pulau Pinang cuma oleh sebab barangkali lapanganterbang ini baru sahaja diperbesarkan tambahan pula kita tidak mengadakan dasar "open sky" bagi lapanganterbang itu kerana kita mempunyai pertimbangan-pertimbangan dalam masalah memberikan kemudahan pendaratan bagi mana-mana juga penerbangan yang mahu atas dasar dua hala.

**Datuk Syed Hassan Aidid:** Tuan Yang di-Pertua, Lapanganterbang Pulau Pinang ini telahpun wujud setahun lebih dan sepanjang yang saya diberitahu cuma 5 airlines iaitu MAS, Cathay Pacific, Thai International, Thai Airways dan Merpati sahaja yang mendarat di lapanganterbang itu lebih lama dan tujuan mengadakan lapanganterbang ini ialah untuk tourist industry oleh kerana sebagaimana kita tahu iaitu Pulau Pinang sudah hilang free port dan digantikan dengan tourist industry. Saya ingin tahu sebab sudah setahun lebih kapalterbang yang besar-besar tidak mendarat di sini, betul atau tidak dengan keadaan begini maka pelancong yang suka hendak datang ke Pulau Pinang tidak turun di Kuala Lumpur oleh kerana ada sebab-sebab yang tertentu, hendak naik keretapi dan sebagainya maka mereka pergi ke Singapura. Jadi ini menjadi kerugian bukan sahaja kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang bahkan Malaysia sekali.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, di sebalik penerbangan-penerbangan yang berjadual sebagaimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu diizinkan mendarat di Pulau Pinang terdapat juga penerbangan chartered yang tidak berjadual. Seperti barangkali Ahli Yang Berhormat sendiri maklum penerbangan chartered daripada Australia memang biasa dibenarkan mendarat di Pulau Pinang, tetapi berhubung dengan kebenaran penerbangan yang berjadual atau scheduled flight itu bergantung kepada kepentingan dua hala. Jadi dalam masalah ini kita sentiasa mempertimbangkan iaitu kita juga memerlukan

faedah daripada apa yang kita boleh beri kepada penerbangan lain mendarat di lapanganterbang kita.

### BUKU TEKS—KELEWATAN BEKALAN

**15. Tuan Abdullah bin Salleh** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan oleh kerana punca kelewatan membekalkan buku-buku teks ke sekolah-sekolah antara lainnya ialah kelewatan mencetak di pihak DBP, adakah kemungkinan Kementerian akan menubuhkan satu bahagian percetakan khusus untuk perkara ini.

**Dato' Musa bin Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan bahawa keadaan pembekalan buku-buku teks ke sekolah-sekolah telah bertambah baik dari setahun ke setahun, sama ada bagi buku-buku penerbit swasta mahupun bagi buku-buku Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya sendiri telah mengarahkan pihak Biro Buku Teks Kementerian Pelajaran dan Dewan Bahasa dan Pustaka memastikan supaya buku-buku disampaikan ke sekolah-sekolah lebih awal daripada tahun-tahun lepas untuk membolehkan ibubapa mendapatnya di waktu kelepasan sekolah. Sebenarnya di Dewan Bahasa dan Pustaka sudahpun lama wujud bahagian percetakan khusus untuk mencetak buku-buku.

### NEGERI-NEGERI MUNDUR— PERUNTUKAN PEMBANGUNAN

**16. Tuan Chua Ching Cheng** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah peruntukan pembangunan yang telah diberi kepada Kerajaan-kerajaan Negeri khasnya negeri-negeri yang mundur dalam tahun 1979 dalam bentuk:

- (a) Pemberian Pertambahan Hasil;
- (b) Bekalan Air Luar Bandar; dan
- (c) Bekalan Letrik Luar Bandar.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah peruntukan pembangunan yang telah diberikan dalam tahun 1979 kepada negeri-negeri mundur ialah sebanyak \$64,904,900 iaitu sebanyak \$13,742,000 untuk pemberian pertambahan hasil, \$20,040,300 untuk bekalan air luar bandar dan \$31,122,600 untuk bekalan letrik luar bandar.

### IKAN DAN UDANG AIR TAWAR— KEKURANGAN

**17. Tuan Haji Abdul Samad bin Said** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada kekurangan ikan dan Udang Air Tawar di sungai-sungai disebabkan oleh pembuangan kekotoran oleh kilang-kilang Kelapa Sawit ke dalam sungai-sungai.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab soalan ini berkaitan rapat dengan masalah perikanan, maka ianya telah diedarkan kepada Kementerian Pertanian. Saya pohon izin untuk menjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan ikan dan udang air tawar di sungai-sungai dalam negara ini tidaklah semata-mata disebabkan oleh pembuangan kekotoran daripada kilang-kilang kelapa sawit. Boleh dikatakan kemerosotan tersebut adalah disebabkan oleh dua faktor utama iaitu:

- (a) Eksploitasi berlebihan terhadap hidupan air tawar seperti penggunaan tuba, bahan letupan dan sebagainya yang telah membunuh semua ikan dalam kawasan-kawasan tertentu. Secara langsung ini mengganggu pembiakan dan penambahan ikan dan udang yang terdapat di dalam sungai-sungai.
- (b) Berlakunya pencemaran air akibat dari pertumbuhan penduduk seperti masalah keladak pembuangan bahan-bahan organik serta pembuangan sisa-sisa daripada perindustrian, sebagaimana juga daripada kilang-kilang kelapa sawit.

Kedua-dua faktor tersebut menjadikan berkurangnya sumber-sumber ikan dan tidak menggalakkan pembiakan hidupan air tawar.

### RUMAH HARGA RENDAH

**18. Tuan Alexander Y. L. Lee** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian untuk mempercepatkan kelulusan rancangan-rancangan rumah harga rendah dan sama ada terdapat peraturan antara Kementerian dan Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan untuk membolehkan Lembaga Negeri meluluskan rancangan-rancangan rumah harga rendah dengan segera.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu, saya ingin memaklumkan bahawa takrif rumah harga rendah ialah rumah-rumah yang dibina oleh agensi-agensi Kerajaan atau pihak swasta atau usahasama antara keduanya yang harga jualannya tidak lebih dari \$20,000 seyunit dan ianya mengandungi unsur keuntungan.

Kementerian saya telah mengambil langkah bagi menjamin supaya lebih banyak lagi rumah harga rendah dibina oleh pemaju-pemaju swasta seperti berikut:

- (a) Kementerian saya memberi keutamaan kepada permohonan untuk mendapatkan lesen-permit iklan apabila sesuatu rancangan perumahan itu mempunyai rumah harga rendah;
- (b) Ada kalanya Akta (Mengawal dan Melesen) Pemaju Perumahan 1966 telah dilonggarkan atau dikecualikan daripada seksyen 6 (1) (a) mengikut kuasa yang diberikan kepada Menteri di bawah seksyen 6 (1) (b) daripada mengenakan cengkeram atau modal yang telah dibayar untuk menolong pemaju perumahan yang ada projek perumahan yang mengandungi rumah harga rendah.

Di samping itu ada Kerajaan-kerajaan Negeri yang telah mengenakan syarat supaya beberapa peratus daripada tanah yang diizinkan ditukar syaratnya untuk perumahan hendaklah didirikan dengan rumah-rumah harga rendah. Oleh itu rancangan-rancangan rumah harga murah yang dibina oleh pemaju-pemaju swasta adalah merupakan sebahagian daripada projek perumahan mereka. Dan kelulusan untuk projek harga rendah ini adalah dibuat serentak apabila meluluskan keseluruhan projeknya. Untuk makluman Yang Berhormat selanjutnya kelulusan kepada permohonan-permohonan untuk mendapatkan lesen pemaju perumahan pada amnya dapat diluluskan dengan kadar awal setelah pemaju-pemaju perumahan tersebut memenuhi semua syarat-syarat yang dikehendaki.

Berhubung dengan peraturan atau syarat antara Kementerian saya dengan Kerajaan-kerajaan Negeri bagi mempercepatkan kelulusan rancangan-rancangan rumah harga

rendah ini secara khusus sebenarnya tidak ada. Walau bagaimanapun, Kementerian saya sentiasa menggalakkan Kerajaan-kerajaan Negeri mengutamakan projek rumah harga rendah dalam memberikan kelulusan tukar syarat tanah, tata-atur dan sebagainya.

**Dato' Sulaiman Ninam Shah:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mendapat penjelasan daripada Menteri berkenaan dalam masa seminggu ini jawapan daripada Menteri berkenaan mengelirukan, pada masa dia menjawab soalan saya takrif yang dikatakan rumah harga murah itu antara \$6,000-\$12,000 tetapi hari ini sudah naik \$20,000 belum sampai seminggu. Jadi mana satu yang saya hendak pakai? \$6,000-\$12,000 yang dijawab dalam minggu yang lepas ataupun yang naik \$20,000? Ini tolong beri penjelasan.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, jawapannya senang sahaja. Ahli Yang Berhormat itu faham bahawa yang \$6,000-\$12,000 itu di bawah sektor awam, yang \$20,000 itu di bawah sektor swasta. Jadi yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat tadi ialah sektor private (swasta). Jawapan Yang Berhormat Menteri minggu lalu, saya yakin ialah pembinaan di bawah sektor awam iaitu \$6,000-\$12,000.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa soal jawab sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 19 adalah diberi di bawah ini).*

#### BAS MARA—PENGAMBILAN ALIH BUMIPUTRA

**19. Tuan Ismail bin Hashim** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan bilakah masanya pihak MARA akan memberikan Perusahaan Bas yang diusahakan oleh MARA kepada Bumiputra yang mempunyai kelayakan.

**Menteri Perusahaan Awam (Dato' Abdul Manan bin Othman):** Soalan yang lebih kurang sama telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad Arshad dan saya telahpun menjawabnya pada 11hb April 1979. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan kepada jawapan tersebut.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG GALAKAN PELABURAN (PINDAAN) (No. 2)

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas Masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (19hb Disember, 1979).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Amat Mulia Raja Datuk Nong Chik.

3.36 *ptg.*

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung balik ucapan yang saya buat semalam. Galakan pelaburan ini adalah tersangat penting saya fikir oleh kerana jika tidak ada galakan dibuat maka pelaburan daripada negara asing tidak akan datang ke mari. Misalnya, Filipina, tak usah katakan negeri-negeri luar, tetapi dalam ASEAN sahaja umpamanya pihak Singapura memberi galakan yang lebih ataupun Filipina ataupun Thailand ataupun Indonesia.

Pada hari ini cuba kita tengok, Tuan Yang di-Pertua, Singapura yang begitu kecil, getahnya tak ada, bijih timah tak ada, kelapa sawit tak ada, sumber air pun tak ada, tetapi negeri itu penuh dengan kilang-kilang baikpun kilang-kilang untuk membuat bahan-bahan dalam negeri ataupun bahan-bahan untuk dieksport. Apa sebabnya. Ini Kerajaan kita mesti mengkaji sedalam-dalamnya dan boleh dikatakan selain daripada negeri Jepun di Asia ini, Tuan Yang di-Pertua, Singapura lah yang cukup maju, baikpun dalam perindustrian, perumahan dan lain-lain.

Saya mengatakan ini bukan hendak memuji sangat Singapura, janganlah dikatakan apa sebabnya Singapura saya puji sangat, saya bukan suka sangat Lee Kuan Yew, tetapi apa yang dibuat oleh Singapura patutlah kita contohi. Macam-macam kita boleh contohi daripada Singapura bagaimana bandarnya bersih di mana pokok kayu meng hijau di pekan Singapura, kilang-kilang bertaburan, lautnya ditambun dan didirikan kilang-kilang. Ini satu contoh patut kita

contohnya. Apa sebab-sebabnya? Satu daripadanya pegawainya tidak korap, pegawainya bekerja betul-betul bagi menggalakkan pelaburan daripada luar negeri, pegawai-pegawainya lemah-lembut, menolong orang yang hendak melabur ke dalam negeri itu, bukan seperti setengah pegawai kita, saya bukan hendak menuduh pegawai-pegawai kita semuanya tetapi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian saya katakan dalam ucapan saya dahulu, Tuan Yang di-Pertua, mestilah macam kita berkedai, sebab ini kedai negeri, satu kedai negeri supaya yang bekerja dalam Kementerian ini betul-betul orangnya lemah-lembut.

Kalau orang Jepun kata: Irasai (masuklah), harigato (terima kasih). Begitu dia caranya. Kalau di sini: Apa mahu? Apa salah tu? Maknanya orang yang mendengar ini pun hendak cabut lari. Pegawai-pegawai dalam Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mestilah lemah-lembut, pandai menarik hati pelabur—ini yang pertama sekali. Belum lagi apa-apa telah dijawab, belum ditanya telah dijawab. Ini semua dijalankan oleh Kementerian, bukankah begitu? Kalau ditanya pun tidak berjawab, surat untuk pertanyaan-pertanyaan pun berbulan baharu dijawab, ini dikatakan belum apa-apa lagi sebulan surat tidak dijawab. Tuan Yang di-Pertua hari ini yang terutama sekali mestilah digalakkan 30% daripada itu, galakan ini mesti diberi. Saya katakan ini sebab Yang Berhormat Menteri ada experience di atas perkara ini dan sebab itu saya berharap sangat oleh kerana kalau kita dapat pelaburan daripada luar negeri, satu daripadanya pekerja-pekerja atau orang-orang kita tidak menganggur. Itu sebabnya Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah merayau dunia ini, memang bagus minta orang itu, galakkan supaya datang, tetapi sampai kemari nanti ditengoknya kalau begini gayanya layanan terhadap mereka, apa yang dicakapkan di luar negeri berlainan dengan apa yang mereka tengok apabila datang kemari. Di mana dia galakan tadi, di mana dia tanah hendak buat factory, di mana dia air, mencukupikah air, mencukupikah tenaga elektrik? Cuba kita tengok tahun yang lalu berapa ribu jam telah hilang begitu sahaja sebab tenaga elektrik tidak cukup. Bukan tidak cukup Tuan Yang di-Pertua,

asyik rosak sahaja. Kalau hendak maju, ini semua mestilah dijagai supaya tenaga elektrik jangan rosak.

Tuan Yang di-Pertua, misalnya kalau kita membuat botol daripada gelas, sheet glass dan sebagainya rosak satu minit sahaja gelas beku. Kalau tidak ada site generator semua habis, beribu dan bermillion ringgit terpaksa kerugian. Kemudian masa itu kalau buat plastik pula, plastik akan keras mesin plastik terpaksa dibuka berhari-hari pula, berapa banyak rugi. Ini bukan perkara yang hendak dicakapkan tetapi ini perkara yang benar, ini juga mesti ada sambung menyambung di antara Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan lain-lain Kementerian. Ini mesti ada kerjasama supaya perkara ini jangan terjadi. Jadi satu Kementerian kata: Oh, saya ada kemajuan! Ya, betul ada kemajuan elektriknya tetapi kalau rosak apa kemajuannya? Kalau rugi, entah rugi kerana pelaburannya, kerana managementnya, kerana elektriknya; bolehkah pemodal-modal nanti kata Kerajaan membuat salah oleh kerana elektrik rosak dengan tidak ada notis, tiba-tiba rosak lima minit, berapa banyak pelabur-pelabur rugi?

Begitu juga air, Tuan Yang di-Pertua, air tidak mencukupi, sebab rancangan kita suruh orang melabur, persiapan kita dalam rancangan lima tahun ke lima tahun, saya ingat kita tersangat maju, negeri kita memang maju. Ini bukan kemunduran tetapi kemajuan di negeri kita terlampau lekas. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian misalnya pergi keluar negeri memanggil orang suruh masuk, apabila orang masuk tak terkejar oleh kerana persiapan kita tidak sampai begitu banyak. Ada juga persiapan bukan itu sahaja, rumah hendak air, lombong hendak air, air minuman lagi, air membasuh lagi; jadi bolehkah atau tidak ada hari akan datang diadakan air khas untuk industri? Maknanya tidak payah lagi ditaruh ubat, tidak payah lagi ditaruh racun supaya kuman-kuman mati. Macam negeri lain ada air untuk industri sahaja, simpanan lain daripada itu boleh disalurkan tidak payah lagi mengadakan untuk minuman sebagai galakan harganya pun barangkali lebih murah daripada air biasa. Kerajaan mestilah mengkaji dengan sedalam-dalamnya, ini adalah galakan-galakan yang mesti digunakan untuk pemodal-pemodal asing yang dikatakan swasta yang akan datang untuk menanam modal dalam negeri kita.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua yang kita katakan galakan sahaja saya memanglah bersetuju. Saya telah mengatakan persetujuan saya di atas perkara ini tetapi berkenaan dengan sekarang datang orang menanam modal. Orang yang menanam modal janganlah mesti ditetapkan di mana dia mesti pergi. Ini pun kadang-kadang tidak boleh kerana satu kawasan itu bergantung antara satu sama lain. Misalnya sebuah kilang elektronik mempunyai barang-barang untuk eksport. Kalau bahan-bahan kecil yang dikehendaki oleh kilang elektronik ini duduknya di Kuala Trengganu misalnya transportnya sahaja ke Kuala Lumpur atau Petaling Jaya terutama sekali sekarang kilang-kilang elektronik banyak di Petaling Jaya dan Kuala Lumpur, hendak membawanya sahaja ke mari sudah memakan belanja atau kos yang lebih tinggi. Jadi tentulah orang tidak hendak datang. Kementerian jangan letakkan sahaja fikirkanlah sehalus-halusnya dia bergantung antara satu sama lain. Ini mesti ditengokkan oleh Kerajaan bagaimana sesuainya tanah yang hendak didapatkan, bukan senang hendak mendapatkannya. Tanahnya katakanlah \$3.50 sen satu kaki persegi tetapi hendak mendapatkan itu susah betul. Ini terpaksalah Kerajaan sendiri menentukan apabila hendak mendirikan kilang baik di mana sahaja, hendaklah di tapak yang sesuai misalnya di Petaling Jaya ataupun di Batu 3, adakah tempat lain lagi hendak mendirikan kilang ini, kalau tidak bagaimana hendak menolong orang lain.

Ini semua mestilah Kerajaan kaji sedalam-dalamnya kerana kita hendak melabur dan kita telah pergi ke sana ke mari menjemput orang melabur, Singapura, oleh kerana disuruh orang melabur, laut pun dilaburkannya sampai laut Singapura pun telah habis. Kalau kita pergi ke Singapura masa kita kecil-kecil dahulu Tuan Yang di-Pertua, tengok Singapura ada Katongnya, Bedok dan sebagainya, sekarang ini Katong dan Bedok sudah tidak ada lagi. Entah ke mana pergi-nya, entah ke mana laut, Bedok kita tidak tahu. Begini jauhnya persiapan-persiapan mereka. Apa persiapan-persiapan kita terhadap perkara ini? Jadi ini sepatutnya ditengok oleh Kementerian. Ini nanti apabila disoal dikatakan ini bukan tanggungjawab Kementerian saya, ini tanggungjawab Kerajaan Negeri. Tetapi Kerajaan Negeri macam bola billiard—kena-mengena, tali bertali di antara satu sama lain. Ini tidak

dapat diperbuat. Jadi bagaimanalah pemodal-pemodal yang datang ke sini nanti terpaksa pergi ke State Government bertanya adakah tidak, memakan masa 6 bulan. Inilah yang menyebabkan kaum pemodal yang datang hari ini berfikir dua kali.

Sungguhpun kita mengatakan iaitu di negara kita ini political situationnya bagus, ikhtiasadnya bagus, negara ini bagus. Ini memang kita tahu di South East Asia, di negeri-negeri ASEAN saya ingat negeri kita cukup bagus. Ini tidak siapa yang boleh mengatakan tidak, melainkan pihak Pembangkang sahaja yang mengatakan tidak. Tetapi pihak kita tahu iaitu negeri kita adalah satu negeri yang cukup maju. Dalam Budget kita pun kita mengatakan pertumbuhan ekonomi pesat daripada 8%, boleh jadi 10%. Ini kita percaya tetapi bagaimana keadaan-keadaan yang lain, orang lain yang akan menanam modal di dalam negeri kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam negeri kita ini ada banyak hasil-hasil seperti nenas. Bukan sahaja nenas ini untuk dieksport, dikupas kulitnya, ditaruhkan deep freeze, dibungkus, tidak usah dican lagi kemudian dihantar ke luar negeri seperti Middle East, Europe dan sebagainya. Ini belum dibuat lagi. Ramai orang-orang kita yang boleh tanam nenas.

Tuan Yang di-Pertua, saya di Dewan Rakyat dahulu pun dan di sini juga telah beberapa kali diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri akan disiasat tetapi sampai berpuluh tahun pun tidak disiasat, tidak ditengok. Mengenai kuota-kuota, Yang Berhormat Menteri tolonglah ambil ingatan, apa sebabnya kuota kita untuk mengeksport nenas (canned pineapple) ke Jepun sekarang ini dipegang oleh orang Taiwan. Tidak adakah orang Malaysia selepas merdeka 20 tahun yang boleh buat? Apa sebabnya sayang sangat kepada orang Taiwan ini yang bukan warganegara tanahair kita. Jadi inilah pertanyaan orang. PERNAS boleh buat kalau perseorangan tidak boleh buat, UDA boleh buat, MARA boleh buat, yang lain-lain pun boleh buat, apa sebabnya kuota yang begitu banyak didapati, entah berapa ribu case yang kita dapat untuk kuota dihantar ke negeri Jepun.

Jadi kita sebagai orang Malaysia berasa hairan, sungguh berasa hairan apa sebabnya tidak boleh buat. Peluang-peluang begini

tidak boleh diberi kepada orang Malaysia sendiri. Jadi datanglah tohmahan-tohmahan mengatakan kita ini bertolak ansur sangat. Orang-orang ini takut nanti Jepun tidak beli, sebab kuota telah ada.

Begitu juga berkenaan dengan lain-lain iaitu Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri. Menteri Perdagangan dan Perindustrian sudah pergi ke luar negeri tetapi Duta kita di luar negeri apa yang mereka buat? Bukan Duta itu untuk mencari rahsia di luar negeri sahaja, macam mana Russia akan melanggar kita, China hantar subversif ke negeri kita, bukan sahaja kerjanya untuk menjaga hak-hak kita di dalam negeri itu, bukan sahaja mengeluarkan passport, tetapi yang penting sekali Kedutaan kita patut tengok apa kita hendak hantar ke negeri itu. Ini mesti ditengok. Kedutaan kita di luar negeri seperti di Amerika orang Amerika tidak tahu di mana Kuala Lumpur, tidak tahu di mana Malaysia. Dikatakan Malaysia ini Melawi di Afrika. Tidak usahkan bahan-bahan seperti nenas, getah, bijih timah ataupun kelapa sawit, tetapi Kuala Lumpur pun mereka tidak tahu, bagaimana keadaannya.

Dengan sebab itu kedutaan inipun memainkan peranan yang penting di atas perkara ini terutama sekali Trade Commissioner di luar negeri memainkan peranan yang penting di atas perkara eksport dan memberitahu kepada orang-orang di luar negeri kita ini ada mempunyai misalnya, acrylic yarn, kita ada buat di Pulau Pinang. Ini boleh dihantar ke luar negeri seberapa banyak ataupun kita katakan kita ada buat kain-kain baju, bukan sahaja untuk buat kain baju untuk orang Malaysia yang cuma ada 13 juta sahaja, kita akan eksport benda-benda ini, boleh atau tidak? Itu sebabnya kita mesti cari kuota-kuota yang boleh dan hantar ke Kementerian-kementerian yang bertanggungjawab.

Tetapi ini barangkali Trade Commissioner kita dan juga Kedutaan kita di luar negeri payah. Semasa rombongan Trade Mission kita pergi ke England, Duta pun tidak boleh jumpa. Ini Trade Mission yang pergi ke luar negeri, Duta pun tidak nampak muka. Jadi bagaimana keadaan begini. Itu sebabnya Duta kita di luar negeri juga mesti memainkan peranan bukan kerana hendak menyambut Menteri-menteri datang untuk disambut di Airport. Bukan itu sahaja kerja-kerjanya. Untuk menyambut Menteri itu memang per-

kara penting tetapi perkara yang kecil-kecil ialah untuk mencari jalan-jalan supaya bahan-bahan kita mestilah dijalankan kewajibannya di luar negeri.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, apabila bahan-bahan bukan sahaja nenas, getah, bijih timah dan sebagainya tetapi juga Kerajaan mesti mengatakan feasibility study Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah buat. Kalau hendak buat tayar di negeri kita ada bahannya iaitu getah, tidak sampai satu jam getah kita boleh diangkut ke factory untuk dibuat tayar dan sebagainya dan begini caranya. Segala feasibility study ini diberi untuk membuka satu factory, ataupun katakanlah untuk buat porcelain. Kita menunjukkan bahannya, sampelnya dibawa oleh Trade Mission ini. State Government misalnya Kedah, Kelantan ada tanah liat yang putih seputih-putihnya macam kertas putihnya, atau di Trengganu. Ini dia bahan-bahannya, apa yang kita boleh buat daripada ini. Ini juga mesti dilakukan. Dengan sebab itu apabila mereka datang ke sini kita boleh eksport barang-barang dibuat oleh mereka ini dengan insentif yang diberi oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Dengan galakan dan insentif seperti ini orang-orang ini akan datang lebih ramai lagi ke negara kita.

Saya fikir banyak lagi rakan-rakan saya hendak bercakap di atas perkara ini oleh kerana perkara ini penting. Kalau hendak memasuki dalam perdagangan dan perusahaan bukannya senang. Apa yang kita fikirkan panggil orang datang, panggil pemodal-pemodal masuk. Bukan begitu senang. Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh mengatakan hari itu iaitu kita telah memberi galakan dan bank rate kita pun serendah-rendahnya. Di setengah-setengah negara ini kitalah yang serendah-rendahnya, ini satu galakan juga dan patut kita sebarkan ke seluruh dunia meminta mereka datang menanam modal oleh sebab bank rate kita adalah serendah-serendahannya dan boleh mendapat pinjaman dan kemudahan-kemudahan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mendirikan sesuatu kilang bukanlah senang iaitu segala-galanya technical know-how mesti ada, management mesti bagus dan pihak-pihak Imigeresen dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mesti juga bekerjasama. Kalau tidak, misalnya technical know-how ini

hendak masuk ke sini, sebelum masuk itu tiga bulan atau enam bulan dahulu nama-nama hendaklah dihantar. Ini memakan masa yang cukup panjang. Apabila mereka hendak masuk biarlah mereka masuk dahulu, vetting ini boleh dibuat kemudian. Kalau mereka anti-Malaysia atau subversive element boleh kita hantar mereka keluar tetapi janganlah oleh kerana ini semua nanti lambatlah pekerjaan-pekerjaan ini dijalankan. Jadi melambatkan pekerjaan-pekerjaan pembangunan kita. Inilah kerjasama di antara pihak Imigeresen iaitu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri juga mestilah memberi kemudahan-kemudahan yang lekas kepada mereka. Saya tahu negara kita lebih penting, kita takut negara diserang oleh subversive elements tetapi kalau hendak dikira subversive elements lebih banyak subversive elements dalam negeri ini lagi iaitu underground-underground lebih banyak dalam negara ini. Kalau kita lihat dalam bulan Mei bendera merah ada di sana sini. Ini lebih teruk lagi. Oleh sebab itu saya fikir pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hendaklah berhubung dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian supaya menyenangkan mereka ini masuk ke dalam negeri untuk menanam modal. Sekianlah sahaja terima kasih.

#### 4.04 ptg.

**Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahaskan Rang Undang-undang meminda Akta Galakan Pelaburan, sepertimana yang telah dihuraikan di dalam Rang Undang-undang Galakan Pelaburan ini, pindaan ini ialah untuk mengadakan satu bentuk baru bagi elau eksport dan di dalam Rang Undang-undang ini juga telah mengemukakan satu kadar baru bagi pemotongan pendapatan kasar daripada barang-barang yang dieksport ke luar negeri.

Saya rasa tidaklah ragu-ragu lagi mengatakan di sini bahawa Akta ini akan dapat memberi sedikit sebanyak galakan kepada jurusan eksport. Walau bagaimanapun, rasa saya Akta ini tidaklah boleh kita anggap sebagai satu langkah yang agresif atau satu langkah yang radical di dalam menggalakkan eksport.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya sebenarnya halangan yang besar bagi barang-barang eksport ini terutamanya seperti Malaysia

yang besar sekali ialah tentang kos transport ataupun kos pengangkutan dan juga kos insurans bagi tiap-tiap barang yang dibawa keluar daripada negeri ini. Kos insurans dan kos perkapalan ini kadang kala melebihi 60% daripada kos barang buatan di sini. Saya mengesyorkan supaya Kerajaan haruslah memikirkan satu subsidi di dalam mengurangkan kos perkapalan dan kos insurans yang mana menjadi satu sumber yang besar bagi meninggikan barang buatan Malaysia untuk dihantar ke luar negeri.

Sepertimana kita semua maklum bahawa pada masa yang lalu bagi menghadapi masalah kos perkapalan ini dan juga mungkin ada sebab-sebab yang lain Kerajaan telahpun menubuhkan sebuah Syarikat Perkapalan yang dipanggil National Shipping Corporation untuk memberi khidmat di dalam mengangkut barang-barang keluaran Malaysia ke luar negeri Kerajaan juga telah menubuhkan lagi sebuah Syarikat iaitu Malaysia National Insurance Sdn. Bhd. bagi membantu syarikat-syarikat dalam negeri untuk menjalankan tugas-tugas mereka di dalam soal insurans.

Saya fikir sudah sampai masanya bagi pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian memeriksa adakah benar-benar Syarikat Perkapalan kita ini atau Syarikat Nasional Insurans kita ini telah diselaraskan dengan kehendak-kehendak kita di dalam mengeksportkan barang-barang ke luar negeri. Saya mendapat tahu Syarikat Perkapalan Nasional ini telah diberi berbagai keistimewaan bagi mengukuhkan kedudukan Syarikat Perkapalannya. Begitu juga Syarikat Nasional Insurans ini telah diberi berbagai-bagai keistimewaan bagi mengukuhkan kedudukannya. Saya kira sudahlah wajar bagi syarikat-syarikat ini membuat sedikit sebanyak sumbangan mereka bagi mengadakan satu rebate yang khas bagi barang-barang keluaran Malaysia terutama dalam jurusan eksport.

Selain daripada itu, mengikut penyata daripada Lembaga Kemajuan Perusahaan iaitu MIDA semenjak dari tahun 1971 hingga tahun 1978, Kerajaan telahpun membenarkan penambahan modal di dalam jurusan industri lebih daripada \$1,600 juta dan jurusan ini telah dapat melahirkan lebih daripada 80,000 pekerjaan. Angka pencapaian ini rasa saya adalah menggalakkan tetapi itu yang menjadi satu cabaran kepada

kebolehan Kerajaan kita mengendalikan masalah eksport. Jika kedudukan eksport kita tidak selaras dengan pengeluaran barang-barang kita, maka sudah tentu perusahaan-perusahaan ini akan terancam. Oleh itu saya berpendapat pada masa ini sudah sampailah masanya bagi pihak Kerajaan menubuhkan sebuah badan yang mengendalikan masalah-masalah eksport iaitu sebagai badan penggalakan eksport. Badan ini dapat mengumpul data-data yang diperlukan dan dapat mengumpulkan senarai-senarai pembeli di luar negeri menerusi Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan di luar negeri supaya dapatlah badan ini membantu peng-eksport-pengeksport atau pengilang-pengilang bagi mendapat satu pasaran yang lebih tetap.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah menyatakan di sini bahawa mengikut tinjauan saya kebanyakan, bukan ke semuanya, tetapi kebanyakan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan kita di luar negeri nampaknya tidak begitu up-to-date, tidak begitu cekap, dengan keadaan pasaran di tempat yang mereka wakili. Kadang-kadang kita dapati barang-barang keluaran Malaysia yang dapat dijual di satu-satu pasar di negara-negara luar, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan kita tidak mengetahui harga barang itu yang sebenarnya. Jadi bolehlah saya katakan intelligent kita dalam hal pasaran ini amatlah kurang tetapi tidak sepertimana negara-negara eksport yang lain seperti Jepun yang boleh mengetahui harga pasaran di satu-satu tempat itu dengan serta merta. Jadi saya mengharaplah supaya satu dialog di antara Kementerian ini dengan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan kita di luar negeri supaya dapat menambahkan lagi pengetahuan mereka tentang barang-barang yang diperlukan oleh negara ini untuk dieksport. Dan manakala kita menghendaki satu-satu harga, satu-satu barang di negara itu kita boleh mendapat dengan serta merta.

Sesungguhnya pada pendapat saya insentif pelaburan dan juga cukai-cukai eksport yang dikurangkan ini tidak begitu banyak diketahui oleh pengilang-pengilang ataupun pengusaha-pengusaha kita. Oleh itu, saya sukalah mengesyorkan kepada Kementerian supaya mengadakan satu booklet ataupun menyediakan satu risalah yang boleh disampaikan kepada pengusaha-pengusaha melalui persatuan-persatuan pengusaha ataupun melalui Dewan-dewan Perniagaan supaya

mereka itu mendapat penjelasan tentang kadar potongan yang diberi oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Pada masa yang lalu, Kementerian ini telahpun mengadakan kursus-kursus kepada ahli-ahli perniagaan tentang cara-cara meng-eksport, saya fikir ini adalah satu langkah yang baik dan dapatlah diadakan dengan lebih kerap lagi supaya dapatlah para industri kita mendapat pengalaman yang up-to-date berkenaan dengan pelaburan ini.

Satu perkara yang akhir sekali iaitu di dalam Rang Undang-undang ini ada menyebut iaitu senarai barang-barang yang berhak mendapat pengecualian ini bolehlah diisytiharkan dari semasa ke semasa oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan persetujuan Kementerian Kewangan. Saya berharap bahawa kuasa ini tidak akan menghalang atau melambatkan kita mengadakan senarai-senarai itu dengan sebab ada dua kuasa ataupun mesti mendapat dua kelulusan iaitu daripada Menteri Perdagangan dan Perindustrian dan juga Menteri Kewangan. Saya berharaplah supaya satu cara dapat dijalankan oleh pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian supaya dua authority ini tidak akan menghalang kita di dalam melaksanakan insentif yang telah kita adakan.

Selain daripada itu tidak adalah apa yang saya hendak sebut lagi kecuali saya bersetuju juga apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik tadi berkenaan dengan kedutaan-kedutaan kita di luar negeri nampaknya tidak begitu mengambil berat tentang rombongan-rombongan perdagangan trade mission, berlainan sekali daripada negeri-negeri di Eropah. Baru-baru ini kita lihat rombongan perdagangan daripada Sweden yang mana duta Sweden di sini menemui setiap peserta di dalam seminar dan setiap peserta dijemput untuk satu jamuan dan saya lihat Duta Sweden di sini boleh dikatakan bercakap dengan setiap orang sama ada anggota-anggota daripada Sweden ataupun anggota-anggota daripada Malaysia. Jadi hal ini tidak terdapat di kedutaan-kedutaan kita.

Inilah sahaja, saya menyokong ucapan Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik tadi dan saya juga menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.18 ptg.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik dan juga Yang Berhormat Senator Haji Khalid yang telah melafazkan teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang begitu membina dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Galakan Pelaburan (Pindaan) (No. 2) 1979. Dan di sini sukalah saya memberi jaminan iaitu Kementerian saya akan memberi pertimbangan kepada cadangan-cadangan dan teguran-teguran tersebut. Ada juga banyak yang dicadangkan itu telahpun dijalankan oleh Kementerian saya dan telah menjadi dasar.

Di sini sukalah saya mengulas sedikit sebanyak mengenai beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai ulasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik mengenai negara-negara Taiwan dan Korea ada memberi potongan di atas pendapatan yang dikenakan cukai sebagai deduction from taxable income, iaitu sebagai satu penggalakan atas segala perbelanjaan yang dibuat kerana export promotion di luar negeri; sukalah saya menjelaskan iaitu Kerajaan Malaysia juga ada memberi potongan yang sedemikian. Perkara ini jelas diterangkan dalam Seksyen 27 Akta Galakan Pelaburan dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, untuk tahun 1980 yang akan datang Yang berhormat Mulia Menteri Kewangan telahpun mengumumkan bahawa perbelanjaan ke atas penubuhan pejabat cawangan di luar negeri juga akan diberi potongan daripada taxable income.

Ahli Yang Berhormat juga ada menyentuh supaya Kerajaan menggalakkan private sector mengadakan rombongan-rombongan galakan baik rombongan perdagangan atau rombongan pelaburan ke luar negeri. Perkara ini memang digalakkan oleh Kementerian saya, bahkan dalam rombongan galakan pelaburan yang dianjurkan oleh Kerajaan juga private sector tidak ketinggalan. Mereka dijemput bersama-sama mengikuti rombongan berkenaan seperti rombongan Yang

Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tidak kurang 70 orang dari private sector telah mengikutnya ke Eropah dan Amerika Syarikat baharu-baharu ini dan juga dalam rombongan perdagangan yang saya pimpin masa melawat Negeri China baharu-baharu ini lebih kurang 30 orang daripada private sector telah mengikut.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang menggalakkan private sector untuk mengadakan rombongan galakan pelaburan ke luar negeri, bahkan jika mereka menghadapi masalah perhubungan, Kementerian saya boleh membantu mereka mendapatkan maklumat-maklumat melalui Pejabat Pesuruhjaya Perdagangan kita di luar negeri.

Mengenai pandangan Yang Berhormat itu berhubung dengan penggunaan bahan-bahan mentah tempatan, peruntukan memang telah diberi di bawah Akta berkenaan yang mana lanjutan tempoh pengecualian cukai boleh dilanjutkan selama 1 tahun lagi jika syarikat menggunakan lebih daripada 50% bahan-bahan mentah tempatan. Berhubung dengan eksport pula, elau eksport di bawah Rang Undang-undang (Pindaan) ini akan hanya dipertimbangkan kepada pengilang-pengilang atau pengeksport jika mereka mengeksport keluaran-keluaran yang mempunyai value added yang tinggi. Ini bermakna mereka digalakkan mengesport barang siap dan bukan barang asas (primary product).

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat supaya Kerajaan menggalakkan pengeksport barang-barang siap, ini telah menjadi dasar Kementerian saya. Seperti satu misal, semalam saya rasa Yang Berhormat menggunakan misaiian crude palm oil yang mana dikatakan banyak dihantar keluar negeri dan mengapa kita tidak menggunakan crude palm oil itu untuk ditapis (refined oil) atau satu lagi langkah down tream untuk membuat margarine dan soap. Memang kita sudah sampai peringkat yang mana kita mengalami kekurangan crude palm oil di negara kita ini sebab banyak refinery telah ditubuhkan dan masalahnya sekarang di negara kita ini tidak cukup crude palm oil yang mana kalau hendak dieksportkan saya rasa menghadapi masalah. Jadi, ini telah menunjukkan bahawa kita sungguhpun sebuah negara yang mengeluarkan bahan-bahan mentah seperti getah, kelapa sawit, kayu kayan, dasar Kerajaan ialah kita menggunakan bahan-bahan itu untuk diproses

menambahkan nilainya (value added) supaya benda-benda yang diekspor kelak boleh membawa hasil yang lebih daripada eksport barang asal. Saya telahpun di Dewan yang mulia ini berkata bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah mengisytiharkan dekad 80an ialah satu dekad (the decade of the resource based industry) yang mana kita akan mengekspor barang-barang siap di mana kita boleh menggunakan bahan-bahan mentah di negara kita ini.

Yang Berhormat Senator itupun telah bertanya mengapa Singapura dalam lapangan perindustrian, kalau saya tidak salah faham, lebih berjaya jika dibandingkan dengan Malaysia. Saya rasa success story Singapura ini bukan terhad kepada Singapura sahaja, kalau kita hendak buat publicity boleh dikatakan Malaysia's industrialisation satu success story juga. Tetapi saya bersetuju kalau kita hendak menjalankan dasar perindustrian yang mana kita boleh menarik lebih banyak lagi pelabur daripada luar negeri, kita mestilah ada satu dasar yang flexible dan pragmatic dan ini adalah memang sudah menjadi dasar Kementerian saya yang mana kita telahpun mengarahkan pegawai-pegawai mengambil satu sikap yang lebih flexible dan lebih pragmatic. Saya bersetuju pegawai-pegawai Kerajaan khususnya yang bekerja di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mestilah ada sikap business minded dan saya rasa kalau kita ada pegawai-pegawai yang boleh ditempatkan di Kementerian dalam masa yang panjang, pegawai-pegawai itu dapat pengalaman. Saya rasa kalau ada pegawai-pegawai yang bersikap seperti kata Yang Berhormat iaitu pegawai-pegawai itu mestilah bersih, not corrupted, saya rasa kalau ada apa-apa khusus mengenai perkara ini silalah laporkan kepada saya.

Berkenaan dengan infrastruktur kekurangan bekalan elektrik, air dan sebagainya, saya telah beberapa kali di Dewan yang mulia ini katakan, sebelum kita mengadakan satu kawasan perindustrian kajian-kajian telah dibuat supaya kemudahan-kemudahan asas seperti elektrik itu mestilah mencukupi. Saya bersetuju ada tempat-tempat yang menghadapi breakdown dari satu masa ke satu masa dan ini dari segi Kementerian saya kita dengan seberapa daya-upayanya berhubung dengan Kementerian yang berkenaan, khususnya Kementerian Tenaga, Telekom

dan Pos supaya keupayaan (capacity) bekalan elektrik di satu-satu tempat yang dikehendaki sebagai kawasan perindustrian mesti mencukupi sebelum kita membenarkan kilang-kilang didirikan di kawasan perindustrian itu. Yang Berhormat telah bertanya mengapa kita mengarahkan industri-industri pergi ke tempat-tempat yang tertentu yang mana barangkali ada menghadapi kesukasan kenderaan atau pengangkutan, ini ialah satu dasar yang mana kita menyelerakkan (dispersal of industry) kepada tempat-tempat yang kurang maju.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Lew Sip Hon:** Sila.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Bukan begitu saya katakan. Satu industry, Tuan Yang di-Pertua, ada kena-mengena dengan pengangkutan, industri-industri yang lain itu kalau diletakkan di tempat lain tak jadi apa hal, tetapi pengangkutan ini terpaksa berdekatan dengan industri itu.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jelaskan iaitu tadi saya kata pada amnya ada satu dasar yang menyelerakkan (dispersal) industri ke tempat yang kurang maju sebab kitapun tahu kalau semua industri berkumpul di satu tempat seperti di Shah Alam atau Pelabuhan Kelang atau Mak Mandin di Pulau Pinang itu adalah kurang memuaskan, jadi ada tempat di kawasan luar bandar ke mana kita menggalakkan migration. Tetapi saya bersetuju ada setengah-setengah tempat barangkali berhasil kepada semua industri kalau ada ancillary industries bertempat di satu kawasan yang mana boleh berhubung di antara satu dengan lain.

Lagipun kita menjalankan dasar ini bukan dengan memaksa pelabur-pelabur itu menempatkan faktori ke tempat tertentu tetapi ini dijalankan dengan menggunakan galakan yang dinamakan locational incentive. Kalau pelabur itu bersetuju menempatkan industri-nya di Kuala Trengganu atau di Kuantan, itu yang dikatakan development area, dia bolehlah dapat lagi dua tahun exemption daripada income tax. Ini adalah satu galakan yang mana pelabur itu patut menimbangnyanya sendiri, kalau dia hendak lebih dua tahun exemption daripada income tax maka sewajarnya dia menempatkan industri di

tempat itu, tetapi saya rasa ini pun kita mesti kaji kenapa kita memberi galakan atau menggalakkan industri itu bergerak ke tempat yang tertentu.

Berkenaan dengan perhubungan di antara Kementerian saya dan juga Kementerian yang berkenaan dan juga koordinasi atau perhubungan di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri, ini pun kita fikirkan dan kita pun telah ada satu langkah yang mana kita boleh mengurangkan communication gap di antara Kementerian dengan Kementerian dengan mewujudkan satu unit pusat (central unit) di Lembaga kemajuan perindustrian (MIDA) yang mana dalam central unit itu kita ada pegawai bukan sahaja dari MIDA dan Kementerian saya tetapi juga dari Kementerian Kewangan, Kastam, Imigeresen dan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat yang mana pegawai-pegawai itu boleh ditempatkan di satu tempat iaitu MIDA untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh pelabur atau bakal pelabur yang mendapat maklumat mengenai exemption daripada Kastam, Work Permit dan sebagainya. Ini ialah satu langkah untuk mencapai tujuan yang kita harapkan boleh sampai iaitu apa yang dikatakan "package deal" di Kementerian saya yang mana seorang pelabur membuat permohonan untuk mendirikan sebuah faktori apabila central unit dalam MIDA itu telah meluluskan, tidak payahlah pelabur itu pergi kepada Kastam meminta exemption atau kepada Imigeresen meminta work permit. Semuanya ini diselaraskan dan keputusan dibuat. Tetapi sebelum kita sampai ke peringkat itu kita telahpun ada masalah-masalah yang mana Kementerian kata kalau saya tempatkan seorang pegawai yang kanan barangkali dia tidak boleh membuat keputusan muktamad, maka masalah ini mesti disalurkan balik kepada Menteri dan sebagainya. Tetapi ini ialah tujuan Kementerian saya yang mana kita ada "one stop agency" dan ini saya rasa boleh menghapuskan segala masalah yang timbul.

Senator Tuan Haji Khalid telah membangkitkan faktor-faktor di dalam kos pengeluaran yang penting ialah kos pengangkutan dan kos insurans. Saya bersetuju kedua-dua kos ini ialah kos yang penting dalam kos pengeluaran khususnya bahan-bahan buatan (manufactured goods) dan di sini sungguhpun MISC bukan dalam jagaan Kementerian saya tetapi kita pun tahu peranan-peranan yang dimainkan oleh MISC

sebagai the flag carrier untuk mengangkut barang sama ada barang mentah (primary products) atau barang buatan (manufactured products) yang mana pada masa sekarang kita telahpun menjalankan satu dasar (code) yang dipersetujui dalam United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD) baru-baru ini yang mana kita ada formula 40:40:20. Jadi national carrier kita boleh bawa tidak kurang daripada 40% daripada tonnage pengeluaran negara kita ini dan juga kita boleh angkut 40% barang kepada mana-mana negeri-negeri yang mana kita mengeksportkan barang itu. Kalau hendak mencapai formula itu MISC saya rasa kena memainkan peranan yang lebih penting dalam perkara pengangkutan. Berkenaan dengan Malaysia National Insurance (MNI), perkara ini terpulanglah kepada Kementerian Kewangan dan saya tidak berapa faham perkara insurans tetapi rasa rakan saya barangkali kalau ada peluang boleh memberitahu peranan yang dimainkan oleh MNI.

Berkenaan dengan export Promotion Board ada satu cadangan yang mana kata Yang Berhormat Senator Haji Khalid itu cabaran yang kita hadapi ialah untuk mencari pasaran di luar negeri dan dengan itu Yang Berhormat itu telah mencadangkan supaya kita mewujudkan satu Lembaga Pengalakan Eksport (Export Promotion Board).

Sukalah saya mengambil peluang di sini menyatakan bahawa Kementerian saya sekarang telah mewujudkan satu Pusat Pengalakan Eksport (Export Promotion Centre) yang sekarang bertempat di Wisma PKNS, Jalan Raja Laut yang telah bermula sejak 1hb Disember tetapi pembukaan rasmi belum dijalankan lagi dan ini menunggu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tetapi Export Promotion Centre ini ialah menjalankan tugas-tugas yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Haji Khalid tadi. Ini ialah satu tempat yang mana kilang-kilang tempatan (local manufacturers) boleh mempamerkan (exhibition) barang-barang mereka. Kalau Yang Berhormat Senator ada peluang dan ada masa sila pergi ke tempat itu dan kita telah membelanjakan tidak kurang \$750,000 untuk interior decoration yang mana tempat ini mempamerkan barang-barang textile, batik, elektronik dan sebagainya. Di sana sesiapa yang datang boleh dapat maklumat mengenai mana-mana

barang yang boleh dieksport dan kitapun berharap dalam Khutub Khanah yang akan diadakan di sana dapat satu katalog (catalogue of exporters and importers). Dalam rancangan itu dalam dua bulan kita ada special exhibition, dalam dua bulan ini semua barang buatan getah, lain bulan barangkali buatan kayu-kayan dan sebagainya. Yang mana kita ada exhibition khusus bagi barang-barang getah itu kita adakan seminar di antara pegawai Kementerian saya dan juga dengan ahli-ahli FMM dan Chambers of Commerce dan pihak swasta yang mana kita boleh bertukar fikiran bagaimana kita boleh menambahkan eksport kepada tempat-tempat di luar negeri.

Tadi Ahli Yang Berhormat mengatakan kita mesti mengadakan dialog di antara Pesuruhannya Perdagangan Kementerian saya dengan pihak swasta dan juga dialog di antara pegawai luar negeri iaitu MIDA dengan pihak swasta, sukalah saya mengatakan iaitu kita pada 3 tahun sekali mengumpulkan semua Trade Commissioners daripada luar negeri. Baru-baru ini pada bulan September kita telahpun adakan satu perjumpaan yang mana tidak kurang daripada 30 Trade Commissioners dari semua negeri telah balik dan juga ada session di antara Trade Commissioners dan juga private sectors dan baru ini sahaja satu minggu yang lalu kita adakan mesyuarat overseas directors daripada MIDA daripada seluruh negara yang kita ada overseas directors dan kita telah berbincang dengan private sectors.

Ahli Yang Berhormat tadi ada mencadangkan supaya apa-apa insentif yang ada dalam Akta ini patut diadakan booklet, sukalah saya mengatakan MIDA ada mengeluarkan booklet, menjelaskan semua insentif yang ada di sini termasuk apa yang sekarang kita hendak pinda atas elaun eksport dan bukan sahaja investment incentive Act kalau hendak tubuhkan satu factory apa insentif yang ada di sini, tetapi banyak risalah, booklet yang dikeluarkan oleh MIDA berkenaan dengan pelaburan. Daripada semasa ke semasa MIDA telah membuat kajian mengenai industri yang mana kita rasa boleh dijalankan khususnya oleh kaum bumiputra dan booklet inipun ada dalam library MIDA dan siapa yang berkehendakkan maklumat itu sila pergi ke MIDA dan kita boleh beri booklet itu dengan percuma.

Akhir sekali berkenaan dengan koordinasi atau perhubungan di antara Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dan juga Kementerian Kewangan. Sukalah saya menyatakan perhubungan ini pada masa sekarang sangat rapat di antara dua Kementerian. Kita juga telah mengadakan satu jawatankuasa mengkaji perkara-perkara seperti perlindungan tarif, kawalan import atas barang-barang yang mana kita beri perlindungan kepada pekilang-pekilang tempatan. Ada juga satu jawatankuasa yang mana kita baru tubuhkan untuk menjaga harga untuk membendung inflasi. Jadi boleh dikatakan dalam Akta ini seperti Ahli Yang Berhormat katakan tadi kalau ada apa-apa industri dikecualikan, senarai inipun telah dibincangkan di antara kedua-dua buah Kementerian dan dalam Akta ini untuk mendapatkan export allowance itu industri-industri yang dikecualikan ialah industri yang dikatakan menggunakan bahan mentah atau primary product. Kalau ada proses yang mana kita boleh menggunakan bahan mentah untuk meninggikan nilai atau value added itu mana-mana industri yang mana kita menggalakkan boleh dapat elaun eksport ini. Perhubungan di antara Kementerian saya dengan Kementerian Kewangan bolehlah dikatakan sangat erat dan dengan itu saya rasa kita boleh menjalankan dasar Kerajaan ini, khususnya terhadap industri yang mana kita menggalakkan dengan lebih licin dan sempurna.

Akhirnya, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran terhadap Rang Undang-undang ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 3* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG  
KUMPULANWANG PEMBANGUNAN  
(PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*4.37 ptg.*

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa "Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966" dibacakan buat kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966 untuk membolehkan pemberian secara langsung (grant) dibuat atau pinjaman mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan diberi kepada satu-satu syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang bertujuan untuk membangunkan ekonomi satu-satu kaum.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada 9hb Februari, 1978, Yayasan Pelaburan Bumiputra telah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat, 1965 dalam bentuk syarikat berhad menurut jaminan (company limited by guarantee). Penubuhan dengan bentuk ini ialah untuk memastikan bahawa Yayasan Pelaburan Bumiputra akan wujud berterusan dan juga Yayasan akan bertanggungjawab kepada Kerajaan ke atas perjalanannya. Untuk menentukan adanya kawalan Kerajaan, Kerajaan telah melantik Ahli-ahli Lembaga Amanah bagi mentadbirkan Yayasan ini. Pengerusi Lembaga ini ialah YAB Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad, Timbalan Perdana Menteri dan YBM Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan sebagai Timbalan Pengerusi. Untuk menjaga keutuhan Yayasan, Ahli-ahli Yayasan Pelaburan Bumiputra adalah terdiri daripada "Minister of Finance Incorporated" sebagai ahli tetap yang tunggal dan 4 orang lagi sebagai ahli biasa. Keahlian dalam Yayasan ini hanya boleh diluluskan oleh "Minister of Finance Incorporated".

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan tahun 1978 yang diluluskan oleh Dewan Negara pada bulan Disember, 1977, Yayasan ini telah mendapat peruntukan yang pertama berjumlah \$200 juta mengikut peruntukan undang-undang di bawah seksyen 3, Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966. Juga seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, dalam Belanjawan tahun 1980, Dewan Negara yang mulia ini telah juga meluluskan peruntukan sebanyak \$300 juta lagi untuk Yayasan. Untuk menyempurnakan rancangan ini, maka tujuan-tujuan yang ada di bawah Jadual Pertama kepada seksyen 3 mestilah ditambah dengan memasukkan suatu tujuan baru seperti yang dicadangkan sekarang ini ke dalam senarai tujuan di bawah Jadual Pertama kepada seksyen 3, Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966 itu. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan sekarang, Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966 dipinda dan pindaan ini dikuatkuasakan kebelakangan dari tarikh 1hb Disember, 1977.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, sekarang terbuka untuk dibahaskan.

*4.50 ptg.*

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang ini. Rang Undang-undang ini sepatutnya sudah lama dibuat oleh kerana Tuan Yang di-Pertua sendiri maklum iaitu kegagalan bumiputra dalam perdagangan dan perindustrian, oleh kerana tidak ada kewangan. Oleh sebab itu maka pada hari ini kita nampak kaum bumiputra ketinggalan dalam dunia perniagaan dan perusahaan. Dengan adanya galakan-galakan seperti yang kita nampak di sini iaitu Yayasan Pelaburan Bumiputra mula-mula diberi iaitu sebanyak \$200 juta kemudian \$300 juta, semuanya ialah lebih kurang \$500 juta. Dengan adanya modal putaran ini maka bolehlah Yayasan ini menolong badan-badan bumiputra yang

diiktirafkan oleh Kerajaan menjalankan tugas-tugas bagi membangun, membina, membangun menggerakkan iktisad bumiputra yang kita sendiri tahu iaitu pada 13hb Mei, 1969 kita dapat tahu cuma ada 2.4% sahaja. Dengan adanya MARA, UDA, PERNAS dan sebagainya pada hari ini kita dapat tahu ada lebih kurang 9% iktisad bumiputra dalam negara ini. Dengan adanya Yayasan Pelaburan begini saya harap di dalam tempoh 20 tahun yang akan datang daripada 13hb Mei, 1969, 20 tahun selepas itu iaitu lagi 10 tahun bumiputra akan dapat mencapai sekurang-kurangnya 30% daripada iktisad negara ini supaya tidak lagi nampak perbezaan di antara bumiputra dan yang tidak bumiputra dalam negara ini.

Kita bukan hendak memandang sahaja di dalam kenaikan iktisad, di dalam kemajuan iktisad, di dalam lapangan perniagaan dan perusahaan, bumiputra bukan hendak memandang sahaja banyaknya factory didirikan, kilang-kilang didirikan sebagaimana saya katakan tadi di dalam menggalakkan pelaburan tadi bukan hendak menengokkan kilang-kilang tumbuh seperti cendawan, bangunan-bangunan yang tinggi mencakar langit dan bank-bank yang bertaburan tetapi bumiputra telah berasa insaf, oleh kerana di dalam masa penjajahan dahulu bumiputra berkorban jiwa, kalaulah dipandang dari segi penjajahan daripada tahun 1915 dahulu di mana orang-orang Melayu telah bertempur dengan Portugis mati beribu-beribu orang mempertahankan tanahair. Sudah itu dilanggar oleh Belanda, begitu juga kita telah mempertahankan negara kita. Sesudah itu dilanggar Inggeris kita baca tawarikh bagaimana kita mempertahankan diri daripada Inggeris, macam mana Inggeris di Pahang di bawah Pahlawan Bahaman, begitu juga bagaimana keadaan di Perak iaitu dinamakan British Advisor atau British Resident, Tuan Birch. Bagaimana hulubalang Melayu telah mati kena korban, begitu juga di lain-lain tempat. Dengan itu bumiputra telah memperjuangkan kemerdekaan. Tetapi dengan memperjuangkan kemerdekaan sahaja tidak betul jikalau iktisad tidak dapat diisi, jikalau bumiputra hidup papa dalam negerinya sendiri. Dengan pengorbanan dan keinsafan ini maka kami bumiputra apabila dijajah sampai 400 tahun lamanya, bukannya 400 hari, bukan 4 tahun, tetapi 400 tahun. Di dalam tempoh 400 tahun dibelenggu oleh penjajah kami telah menjadi hamba kepada mereka.

Pada masa dahulu, Tuan Yang di-Pertua, orang-orang atasan sahaja yang dimanjamakan oleh penjajah. Kalau kita tengok sebelum Perang Dunia Kedua Malay College Kuala Kangsar untuk orang-orang yang berada yang ternama, yang orang-orang ini juga yang akan mengkudakan kita semua.

Tetapi apabila sudah sampai masanya bila orang-orang bumiputra telah sedar baik pun East Malaysia, West Malaysia, Timur dan Barat sedar iaitu selepas beratus-ratus tahun dibelenggu kesedaran ini telah sampai. Hari kemerdekaan telah tercapai. Bukan sahaja kami hendak bersorak Merdeka, "Merdeka, hidup Melayu dan Merdeka", orang Melayu sudah hidup 2,000 tahun dahulu jikalau ditengokkan tawarikh mengikut History Sri Vijaya Empire di Palembang, Majapahit, Singapura, Melaka 2,000 tahun lamanya telah hidup tetapi bagaimana hidupnya. Kita hendak hidup di zaman ini dengan kemewahan, bukan sahaja kami sebagai bumiputra iri hati kepada orang, tidak sekali-kali, Tuan Yang di-Pertua Macam saya bercakap ini bukan kerana iri hati kepada kaum-kaum yang lain yang menjadi warganegara, tidak. Tetapi kami hendak hidup serupa, setanding, bermaufakat untuk membangunkan negeri ini supaya dapat mengecap sedikit sebanyak berjuang kemerdekaan tanahair. Itu yang diminta. Dengan sebab itu maka di sini Kerajaan telah sedar. Dalam Konggres Ekonomi Bumiputra yang pertama diadakan di Kuala Lumpur kita telah menyuarakan, bukan kita dengki khianat kepada orang lain, tidak. Tidak sekali kita hendak modal, bagaimana mendapat modal. Itu sebabnya pada masa dahulu kita minta ditubuhkan, sebab pada masa itu belum ada satu Bank Bumiputra pun, siapa hendak menolong bumiputra pun tidak tahu, minta tolong kepada Tuhan sahaja. Sebagai orang Islam kita menampungkan tangan kita ke atas sembahyang lima waktu sehari semalam memintakan kepada Tuhan tolong bumiputra tetapi Tuhan marah kepada bumiputra; kenapa engkau orang Islam, engkau berdoa pandai tetapi apa sebab engkau tidak bekerja, apa sebab dalam negeri engkau; sendiri engkau menjadi begini daif sekali, sebabnya modal tidak ada. Dengan sebab itu kata Tuhan kamu cari jalanlah. Kenapa engkau tidur selama ini, kenapa engkau tidak bekerja, kenapa engkau tidak belajar sepertimana orang lain belajar? Ini kerana kesalahan

kamu. Jadi orang Melayu, bumiputra mesti celik mata tengok bagaimana kemajuan-kemajuan orang di negeri asing, dalam negeri dan sebagainya. Buka telinga, dengar apa kemajuan-kemajuan orang, gunakan otak. Dengan sebab itulah Bank Bumiputra pun ditubuhkan supaya orang dapat meminjam wang sedikit sebanyak supaya . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditempohkan selama 15 minit.

*Persidangan ditempohkan pada pukul 5.01 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 5.19 petang.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik, sila sambung.

*5.20 ptg.*

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyambung lagi dan tadi saya telah menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang ini yang mana peruntukan sebanyak \$200-\$500 juta bagi Yayasan Pelaburan Bumiputra ini. Sebelum saya menyokong penuh untuk menambah lagi peruntukan itu sebagaimana saya katakan ini, saya suka bercerita dan memberitahu bagaimana keadaan bumiputra kini.

Ada pepatah Melayu menyatakan, Tuan Yang di-Pertua, di padang yang penuh rumput lembu-lembunya kurus-kurus belaka. Apa sebab lembu-lembu ini kurus. Boleh jadi dia sakit atau boleh jadi ada penyakit. Kenapa dia tidak makan rumput ini? Apa sebab dia tidak dapat makan rumput sedangkan ini makanan dia, tetapi dia tidak boleh makan. Perut dia sakit. Kalau perut dia sakit apa hendak dibuat. Penyakit ini adalah penyakit bumiputra di dalam negeri yang begitu mewah. Kita telah menyatakan iaitu di dalam ASEAN ini, Malaysialah negara yang kaya dan mewah, tetapi apa sebabnya bumiputra baik pun di Sabah, Sarawak ataupun Semenanjung begitu kurang sekali di dalam iktisadnya. Dikatakan ini cara kita hendak membetulkan iktisad kita. Itu sebab

saya bercakap ini panjang sedikit. Misalnya, kelapa sawit, bijih timah, kayu kayan dan segala-gala kekayaan ada di tempat inilah, Tuan Yang di-Pertua, di dalam negeri yang begini, apa sebabnya bumiputra tidak berjaya. Selepas kita mencapai kemerdekaan kita mengadakan beberapa banyak universiti. Katakan kita hendak mendapatkan duit Yayasan Pelaburan Bumiputra ini, tetapi sebelum itu kita hendak mengisi otak bumiputra. Itu sebab kita menubuhkan Institiut Teknologi MARA, universiti-universiti dan sebagainya untuk pada suatu hari kelak pemuda-pemuda bumiputra boleh digunakan di dalam segala lapangan terutama sekali di bidang industri ataupun perdagangan bagi meninggikan taraf hidup bumiputra ini.

Dulu pada masa British mereka menyatakan orang Melayu menjadi "the white man's burden", sebab dia tidak ada pelajaran, selekeh dan sebagainya. Tetapi pada hari ini kita tidak hendak jadi beban kepada negeri kita ini, di dalam negeri yang merdeka dan berdaulat, kita hendak berdiri di atas kaki kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam negeri ini sepatutnyalah selepas 22 tahun merdeka sudah sampailah masanya bagi bumiputra untuk melabur secara besar-besaran. Saya telah bercakap di dalam Dewan Rakyat dulu, pada masa itu ada MARA. Orang Melayu sudah naik marah kepada MARA oleh kerana MARA tidak memandang ke hadapan. Di dalam pekan menanti State land hendak mendirikan kedai-kedai. Apa yang MARA buat, Tuan Yang di-Pertua, iaitu balik-balik apa yang dibuat oleh MARA—itu dulu—pasar minggu supaya orang Melayu boleh bawa kangkong, pucuk paku, pucuk perai, ikan puyu dan ikan haruan ke pasar-pasar yang dikatakan pasar minggu tadi, tetapi bukan cara besar-besaran. Untuk meninggikan iktisad bumiputra bukan ini caranya.

Saya sudah menyatakan, Tuan Yang di-Pertua, Negeri China khususnya di Shanghai, di waktu sebelum komunis memerintah; saya ada pengalaman di negeri China orang-orang Inggeris boleh hidup, boleh berniaga di negeri itu sungguhpun orang-orang China di sana lebih pandai dalam dunia perniagaan. Masa saya belajar di sana saya kaji bagaimana orang Putih boleh hidup. Kalau berniaga mestilah modalnya besar betul-betul baru boleh hidup, kalau modal kecil

tenggalam. Jadi ini bukan kira bangsa tetapi di dalam dunia perniagaan dan perusahaan kalau dibuat apa yang kita buat untuk menolong bumiputra seperti yang dikatakan semalam untuk melepaskan batuk di tangga, kalau orang-orang kampung menjual pucuk perai dan ada pula saya tengok gerai-gerai yang tidak senonoh; itu yang dikatakan Kerajaan hendak menolong bumiputra. Jadi itulah yang dikatakan "untuk melepaskan batuk di tangga."

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikehendaki betul-betul untuk mengejar keadaan ini, kerana ini adalah dasar Kerajaan yang dikatakan Dasar Ekonomi Baru, bukankah dasar Kerajaan untuk sekurang-kurangnya di dalam masa 10 tahun lagi kita mengejar iktisad supaya setanding dan 30% ekonomi negeri ini dipegang oleh bumiputra, bukankah begitu? Saya hendak tanya. Betulkah begitu? Kalau hendak betul-betul dibuat. Macam mana yang sekarang kita buat betul-betul. Kerajaan akan ditanya oleh rakyat jelata, bukan orang Melayu sahaja tetapi rakyat-rakyat yang lain pun yang cintakan tanahair ini, baik dia orang Cina, orang India akan menjadi warganegara kepada tanahair yang dicintai kepada bangsanya. Saya tidak suka orang Melayu jadi drebar motokar sahaja. Katalah Mat, adakah orang suka Mat itu—si peon itu orang Melayu? Tiada orang suka asalkan nama si-Mat sahaja, orang Melayulah, sedangkan "Mat Salleh" orang putih. Adakah kita hendak orang lain memandangkan begitu? Jadi itu sebabnya orang lainpun berkehendakkan iaitu Dasar Ekonomi Baru ini mestilah tercapai di dalam tempoh 10 tahun yang akan datang. Dasar Ekonomi Baru ini bukan Menteri sahajalah yang hendak dan bukan kita sahaja sebagai Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat tetapi semua rakyat berkehendakkan. Kita bercakap di sini pun untuk memberi buah fikiran bagi menolong Kerajaan bagaimana untuk mencapai cita-cita kita iaitu supaya mencapai peratus yang dikehendaki sekurang-kurangnya 30% sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, itu saya kata berkenaan dengan MARA tadi bolehkah MARA mencapai cita-cita kita dengan hanya membuat gerai-gerai. Pada masa enam tujuh tahun dulu, pada masa itu saya bercakap di Dewan Negara menyatakan banyak kedai-kedai hendak dijual di Kuala Lumpur khususnya di Batu Road dengan harga murah.

Dirikanlah kedai dan bangunan-bangunan yang tinggi-tinggi. Apa sebab tidak dibuat? Bukan tidak ada duit, kenapa tidak dibuat? Sebaliknya orang lain yang buat. Salah orangkah? Itu salah kita.

Saya tidak menyalahkan sesiapa, saya menyalahkan pemimpin-pemimpin kita sebab kita tidak memandang ke hadapan, 10 tahun yang akan datang, 20 tahun yang akan datang yang ekonomi tanahair kita akan menjadi sepesat-pesatnya. Siapa tahu? Itu sebab pandangan kita mesti jauh, 30 tahun 100 tahun yang akan datang apa akan jadi kepada bumiputra ini. Kalau kita tidak beli kedai-kedai ini nanti orang lain beli, dikatakan pula orang lain monopoli mengambil iktisad kita dan sebagainya. Kita salahkan orang lain ini dan terus menerus kita akan salahkan orang lain, kita tidak pernah salahkan diri kita. Kita tidak pernah mengaku kesalahan kita, kita kata orang lain sahaja. Kalau orang Melayu terkebelakang, kita katakan orang lain salah tetapi kewajipan kita sebagai bumiputra, mendesak Kerajaan apa sebab ini terjadi kepada bumiputra, janji macam mana dalam masa 20 tahun akan datang kita berkehendakkan iktisad kita sekurang-kurangnya 30%, yang lain jangan campur dalam perkara ini. Itu dasar Kerajaan. Tidak siapa yang boleh berkata tidak boleh sebab ini dasar. Tetapi bagaimana hendak mencapainya cita-cita ini, itu adalah terpulang kepada pemimpin-pemimpin kita yang bijaksana. Kalau tidak orang Melayu 1,000 tahun lagi akan mundur. Inilah sebabnya banyak pemimpin-pemimpin kita yang bijaksana sekarang maju ke hadapan untuk membangun bukan sahaja negara tetapi untuk membangunkan siapa yang mundur sekali di negeri ini.

Cuba kita tengok, Tuan Yang di-Pertua, dalam laporan tahun yang lalu kenaikan iktisad sesuatu bangsa, sesuatu kaum; ini bukan perkauman tetapi saya hendak tunjukkan sahaja iaitu orang-orang kaum Cina, naik sampai \$6.00-\$7.00 seorang, orang India \$4.00, orang Melayu \$2.00, begitu pertambahannya. Jadi macam mana kita hendak kata adil. inilah yang kita katakan, kita hendakkan bumiputra dapat sama lebih kurang tetapi saya dapati kaum Melayu jatuh nombor tiga. Sebegitu lama kita kejar iktisad ini tetapi beginilah kehidupan iktisad kita baik dalam pekan mahupun di kampung-kampung. Tuan Yang di-Pertua,

saya mencadangkan kepada Yayasan Pelaburan ini selepas saya sudah terangkan bagaimana keadaan bumiputra ini, kalau saya hendak katakan begitu, begini saya hendak bercakap pun tidak sampai lima minit sudah habis. Dengan sebab ceritanya lebih supaya orang-orang dapat tahu apa sebabnya bumiputra begini, jadi dapat simpati daripada orang-orang lain. Janganlah kira pada parti DAP sebab DAP ini selalulah kalau datang kepada bumiputra dikatakan begini, kalau datang kepada kaum lain dikatakan begitu, itu jangan diambil peduli tetapi siapa yang cintakan negeri ini tahu sangatlah kedudukan bumiputra ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini kalau kita katakan kita hendak masuk dalam perindustrian iaitu dalam Yayasan Pelaburan kita sekarang ini dimasukkan dalam PERNAS, UDA, MARA, Tabung Haji dan sebagainya. Saya hendak menegaskan iaitu kita hendak menengok supaya pelaburan-pelaburan ini jangan nanti sebagaimana terjadi kepada Kilang Gula di Negeri Sembilan, bermillion ringgit habis. Perkara seperti ini mesti dikaji betul-betul. Katakan gula memang bagus ditanam dalam negeri ini tebusnya besar tetapi kita mesti kaji juga sungguhpun tebu boleh ditanam di negeri ini tetapi ada jenis tebu itu water contentnya lebih daripada sugar content. Ini mesti diasas halus-halus bebab banyak air tetapi gulanya tidak ada. Macam di Selatan India—Kerala bukan tidak boleh ditanam getah tetapi water content getah itu lebih banyak daripada getahnya. Tebu ini boleh ditanam di negeri Thai tetapi tidak boleh ditanam di Negeri Sembilan, di Selangor, ini mesti dikaji. Ini satu misalan saya beri supaya jangan kita gagal di dalam ikhtisad kita, nanti orang kata tengok bumiputra sudah diberi \$500 juta, untungnya tidak sampai \$1 juta setahun. Lebih baik \$500 juta ini disimpan di bank dapat faedah 7% sudah dapat \$35 juta setahun, lebih baik simpan sahaja duit itu tidak usah dilaburkan apa-apa daripada kita rugi. Dengan sebab itu kita terpaksa betul-betul menyasat. Jadi, di sini, Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak beri jalan?

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Saya beri jalan.

**Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Saya minta penerangan daripada Yang Berhormat sahabat saya iaitu dalam bahasannya yang dikatakan kerugian Kilang Gula di Negeri Sembilan. Adakah salah Kerajaan yang menentukan tanah itu baik dan patut ditanam gula atau salah management maka kilang itu rugi.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Saya tidak boleh menjawab begitu. Tadi saya sudah katakan, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini mesti dikaji sebab dia sudah gagal, managementkah atau apakah tetapi yang saya tahu, tanah itu tidak sesuai langsung. Kita bukan tidak ada Agriculture expert kita di negeri ini. Mengapa Agriculture expert telah periksa tanah itu tidak sesuai, kalau misal palm oil boleh sesuai, getah boleh sesuai, Yang Berhormat Tan Sri Haji Abdul Razak yang saya sayangi, jawapannya ialah oleh kerana tidak sesuai. Itu mengikut pendapat saya yang cetek.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap panjang sedikit; bolehkah saya bercakap panjang sedikit?

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Boleh.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Berkenaan dengan ikhtisad satu kaum, sebab kita minta ini, kita minta itu, kita tegur semuanya salah, ini buat salah, itu buat salah sekarang pun sudah dipinjam oleh Kerajaan \$500 juta untuk Syarikat Yayasan kalau ini pun gagal. Saya ingat ini satu perkara yang akan menjadi tandatanya yang besar di Parlimen. Dengan sebab itu hendaklah tiap-tiap seorang daripada kita mempersoalkan di atas perkara ini. Jangan nanti kalau gagal kita kata macam saya selalu, mengatakan cerita bangau. Tuan Yang di-Pertua sudah dengar cerita bangau? Sekali lagi saya ceritakan.

Bangau ini duduk termenung sahaja di tepi sungai. Nanti datanglah manusia macam saya ini bertanya:

Bangau Oh! bangau mengapa engkau termenung?

Macam mana aku tak termenung, ikan tak timbul.

(Kalau begitu salah ikanlah kerana tidak timbul, tanya pula ikan.

Ikan Oh! ikan mengapa engkau tak timbul? Macam mana aku hendak timbul, rumput panjang.

(Salah rumput pula, kalau begitu kita tanya rumput).

Rumput Oh! rumput mengapa engkau panjang?

Macam mana aku tak panjang, kerbau tak makan aku.

(Ini salah kerbau pula, pergi tanya pula kerbau).

Kerbau Oh! kerbau mengapa engkau tak makan rumput?

Jadi kata kerbau macam mana aku hendak makan rumput, perut aku sakit. Perut pula salah kerana sakit. Tanya pula perut. Perut ini pun bercakap macam manusia juga—boleh bercakap. Tanya pula perut mengapa kau sakit. Macam mana aku tak sakit, katanya, nasi mentah. Tanya pula nasi, mengapa kau mentah. Macam mana kau tak mentah katanya, kayu basah. Ini salah kayu pula. Tanya pula kayu mengapa kau basah. Sebab hujan timpa aku. Tanya pula hujan, mengapa kau timpa kayu. Katanya, katak panggil aku. Kalau hendak hujan katak memang berbunyi memanggil hujan, Tuan Yang di-Pertua. Tanya pula katak, mengapa kau panggil hujan. Macam mana aku tak panggil hujan, ular hendak makan aku. Ular ini pula ular sawa. Tanya pula ular sawa ini mengapa kau hendak makan katak. Katanya, itu memang makanan aku. Jadi, inilah sudah berputar belit, mengapa Melayu tidak maju tentang ini, mengapa Melayu tidak maju dalam negeri ini, sebab orang itu salah, terus menerus tidak ada yang kita mengakukan kesalahan kita. Ini barangkali ditulis oleh orang-orang yang bijak pandai pada masa dahulu, ini characteristic orang Melayu.

Sekarang ini mesti dibuang dan kita mesti betul tidak mengatakan salah, kita buat sebab kita sudah tahu kesalahan kita buat untuk kemajuan kita. Jadi di sini saya cadangkan iaitu tanah banyak, hutan di Sabah dan di Sarawak, tanah reserve bumiputra di Sarawak cukup banyak, di Sarawak tanah reserve sudah habis ditebang untuk diambil kayunya.

Kalau hendak diambil kayu itu ambillah tetapi tanah reserve bumiputra yang tinggal itu apa hendak dibuat. Dengan modal

Yayasan inilah dibuka terus banyak-banyak, minta lagi wang, itu yang senang sekali. Kalau katakan technical knowhow begitu begini susah sangat oleh kerana ini berkehendakan pakar daripada Jerman, daripada England dan sebagainya, tanam kelapa sawit lebih senang tidak payah pakar, pakar di sini ada. Tanam getah banyak-banyak oleh kerana sekarang kita tahu iaitu hasil minyak tidak akan turun. Kita tahu itu. Dengan sebab itu dahulu ada competition di antara synthetic rubber dengan getah asli tetapi sekarang tidak ada, boleh tanam getah banyak-banyak kerana synthetic rubber ini tidak boleh melawan dengan getah asli sekarang. Jadi itu boleh ditanam seberapa banyak sebab negeri kita sahaja yang boleh mengeluarkan getah selain daripada Indonesia. Di Brazil tidak boleh lagi. Negeri kita boleh tanam banyak-banyak dan kita laburkan dalam hal ini. Perkara agriculture yang sebegini sungguh senang tidak usah tanam tebu lagi dan sebagainya.

Begitu juga mestilah ada betul-betul macam orang-orang yang bekerja di dalam MARA ataupun dalam perbadanan-perbadanan yang betul-betul mahu bekerja untuk membangun iktisad bumiputra. Ada setengah orang bekerja di MARA atau UDA tidak kira apa, dia kirakan sebagai pegawai-pegawai Kerajaan sahaja. Saya pun dahulu pegawai Kerajaan, pukul 4.30 saya balik, apa hendak buat. Sikap begitu tidak boleh diamalkan.

Di dalam dunia perniagaan dan perusahaannya kita mesti bekerja lebih, kalau boleh pukul 7.00 atau pukul 8.00 kerja terus. Tidak usah ingatkan iaitu kita ini bekerja untuk perbadanan, untuk yayasan—tidak, tetapi dikirakan iaitu hendak mendapat keuntungan untuk mencapai cita-cita kita. Semangat ini mesti ada dan mesti ditanamkan. Saya minta supaya diadakan kursus semangat. Tiap-tiap seminggu sekali dikursuskan dengan semangat supaya timbul kepada mereka ini semangat iaitu ini betul.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kaji bagaimana orang-orang Jepun telah mencapai kemajuan sewaktu zaman Meiji. Tidak ada apapun, apa yang Jepun ada pedang itu sahaja. Dia berperang di antara satu dengan lain, itu sahaja yang dia tahu. Dia tidak memikirkan apa-apa perniagaan besar-besarnya tidak ada, semuanya tidak ada. Negerinya susah tetapi hari ini bagaimana majunya

negeri Jepun. Ini mesti dikaji daripada Meiji dahulu macam mana yang dibuat sekarang oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada hari ini iaitu orang-orang Jepun pun tidak ada modal sebab asyik berperang di antara satu sama lain, potong kepala satu sama lain, jadi memang tidak ada modal. Tetapi Kerajaannya seperti kita ini tetapi apabila Hiroshima dibom oleh Amerika baru-lah datang kesedaran. Kita mesti buka pelabuhan ini, kita mesti buka negeri Jepun dan kita mesti hantar ramai orang-orang kita ke luar negeri belajar. Kemudian apa yang patut kita buat iaitu kita mesti memberi modal kepada orang-orang kita, samalah juga seperti yayasan diberi modal. Ini barangkali kita mengikut contoh ini juga iaitu membuat yayasan yang pada satu hari yang akan datang yayasan ini akan memberi saham-saham balik kepada bumiputra yang hendak maju, diberi pula modal-modal ini kepada mereka. Itu sebabnya ada Mitsui, Mitsubishi, C. Itoh, Marubeni Corporation, Michiman dan sebagainya, ini adalah kilang yang dibentuk oleh Jepun selepas Meiji tadi sekarang masuk kepada Showa dan hari ini orang-orang Jepun cukup maju.

Jadi, saya berkehendakan supaya kesedaran orang-orang bumiputra terhadap kemajuan—saya memang tidak pernah hendak menyalahkan sesiapa tetapi cuma orang Melayu/bumiputra sahaja mesti sedar di atas kemunduran mereka mudahan-mudahan dengan adanya \$500 juta dan saya minta iaitu bukan sahaja \$500 juta tetapi lagi \$500 juta ditambahkan supaya kita dapat betul-betul di dalam tempoh yang tidak berapa lama lagi dapat kita seimbangkan iktisad kita dengan yang bukan bumiputra supaya kita hidup aman, damai dalam negeri yang merdeka dan berdaulat.

5.47 ptg.

**Tuan Alexander Y. L. Lee:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Rang Undang-undang ini membolehkan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan memberi pinjaman dan pemberian kepada syarikat-syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat-syarikat (Companies Act). Tujuan ini ialah untuk memberikan galakan atau pertolongan kepada syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh badan-badan

berkanun atau Kerajaan-kerajaan Negeri atau Kerajaan Pusat mengikut Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, pertolongan ini ialah sangat betul jikalau kita hendak mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru supaya pihak bumiputra boleh dapat 30% dalam bidang aktiviti-aktiviti perniagaan. Kebanyakan syarikat-syarikat ini dan syarikat yang dicadangkan oleh Timbalan Menteri mesti dapat modal yang besar dan kalau mereka tidak dapat pertolongan atau pemberian ini syarikat ini akan menghadapi kesukaran yang sangat besar. Tetapi saya harap bila Yang Berhormat Mulia Menteri hendak memberi pinjaman atau pemberian ia boleh kaji dengan teliti khususnya ia mesti memeriksa projek-projek dan feasibility study syarikat yang minta pemberian atau pinjaman.

Baru-baru ini kita ada membaca dalam suratkhbar berita berkenaan beberapa syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh satu Kerajaan Negeri dan yang telah mendapat kerugian beberapa juta ringgit. Adalah daripada syarikat-syarikat yang tersebut beberapa syarikat yang telah dapat kerugian modal mereka langsung dan sekarang gaji untuk pekerja-pekerja mesti dibayar oleh Kerajaan Negeri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kerajaan Negeri itu tidak memberi penerangan-penerangan berkenaan syarikat-syarikat itu kamipun tidak dapat tahu keadaan di negeri itu dan kamipun tidak tahu modalnya yang diberikan daripada kewangan awam (public fund) telah hilang. Oleh sebab itu saya berharap apabila Menteri Kewangan memberi pinjaman atau pemberian kepada syarikat-syarikat di bawah Rang Undang-undang ini dia boleh menetapkan atau impose satu syarat dan syarat ini ialah syarikat itu mesti memberikan laporan tahunannya tiap-tiap tahun dengan segera kepada Dewan Rakyat dan di dalam Laporan tahunan itu dia mesti termasuk akaun atau kira-kira yang disahkan oleh seorang juru odit. Sekarang ini syarikat-syarikat itu tidak perlu dilaporkan kepada Dewan Rakyat dan bila kami mendapat laporan-laporan dari badan-badan berkanun di Dewan yang mulia ini malangnya laporan itu sudah lama atau out-of-date. Contohnya, baru-baru ini kita telah mendapat laporan bagi Lembaga Tabung Angkatan Tentera, sehingga tahun

1975 sahaja dan ini semua tidak berapa berguna kerana out-of-date. Juga kalau syarikat yang mendapat pinjaman atau pemberian daripada Kementerian Kewangan mendapat kerugian haraplah Kementerian Kewangan mestilah ambil tindakan yang segera dan keputusan untuk mengambil tindakan mestilah atas commercial basis supaya syarikat tersebut tidak mendapat kerugian yang besar.

Lagi sekali saya berharap Kementerian Kewangan boleh memberi satu senarai syarikat-syarikat yang diberikan pinjaman dan pemberian dan aktiviti mereka kepada Parlimen ini. Rang Undang-undang ini dalam pindaan jadualnya ada memasukkan satu perenggan yang baru di bawah Fasal 12.

(*Dengan izin*):

3. The First Schedule to the principal Act is amended by inserting after paragraph 11 the following new paragraph 12:

“12. Grants or loans, subject to such terms and conditions as the Minister may impose, to any company (established for the promotion of the economic development of any community) registered under the Companies Act 1965 and specified by resolution of the House of Representatives.”

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yayasan ini bukan sahaja memberi pertolongan kepada kaum bumiputra tetapi saya harap Yayasan ini boleh menolong golongan yang bernasib kurang baik supaya kita boleh dapat mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru dan boleh menghapuskan kemiskinan.

Akhirnya, saya sukacita menyokong Rang Undang-undang tersebut.

5.53 *ptg.*

**Tuan Haji Latip bin Haji Dris:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut sama menyokong Rang Undang-undang Kumpulan Wang Pembangunan (Pindaan) seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sebentar tadi. Di sini saya ingin bercakap dengan ringkas sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan lulusnya Rang Undang-undang ini, kami bumiputra di Sarawak dapat diberi perhatian yang serupa dengan bumiputra

yang lain di negara kita ini bagi mendapatkan pinjaman pelaburan bumiputra yang disediakan oleh pihak Kerajaan, bagi memberi galakan kepada bumiputra berkecimpung dalam bidang perniagaan walaupun dengan cara kecil-kecilan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, bumiputra atau syarikat bumiputra memang diketahui umum adalah kurang pengalaman dari segi perniagaan, lebih-lebih lagi kami di Sarawak, serta juga tidak ada mempunyai modal untuk berniaga. Dengan adanya segala kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan kita seperti yang ada sekarang ini barulah bumiputra dapat melibatkan diri dalam bidang perniagaan tetapi bukan bermakna atau bertujuan untuk menandingi saudara-saudara yang bukan bumiputra yang memang telah lama berkecimpung dan mempunyai pengalaman di bidang perniagaan yang begitu berjaya terang dan jelas nampak di negara kita pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi rakyat bumiputra yang berminat mengambil bahagian dalam perniagaan yang terdapat di negeri Sarawak selama ini kebanyakannya mendapat pinjaman kurang daripada \$10,000 dengan satu cagaran harta yang tertentu seperti tanah. Walaupun demikian, tanah untuk dicagarkan \$10,000 itu pun hampir 100 ekar oleh kerana pihak yang berkenaan menilaikan tanah bumiputra walaupun ada surat milik tanah harganya begitu rendah sekali. Saya berasa yakin dengan adanya Yayasan Pelaburan Bumiputra seperti di Rang Undang-undang di hadapan Dewan sekarang dapat memberi kelonggaran sedikit tentang syarat-syarat untuk mendapatkan pinjaman serta nilai harga tanah bumiputra iaitu native land hendaklah dinilai dengan harga yang berpatutan sebab kadangkala tanah bumiputra itu walaupun kawasananya berhampiran dengan tanah campuran (mixed zone) nilai harganya jauh lebih rendah. Dari itu ingin saya mengesyorkan kepada pihak berkenaan supaya memberi pertimbangan yang sewajarnya jikalau hakikat ini benar-benar untuk membantu dan menolong bumiputra di bidang pembangunan ekonomi di seluruh negara kita ini.

Apa yang saya ketahui bumiputra memang sukar sekali untuk mendapat pinjaman daripada bank perniagaan seperti di Sarawak. Begitu juga untuk mendapat pinjaman daripada agensi-agensi Kerajaan kerana harga

tanah bumiputra sendiri untuk mendapat pinjaman itu tidak begitu diharapkan atau sengaja tidak diambil tindakan kerana bumiputra tidak pandai berniaga dan tidak berkemampuan membayar balik wang pinjaman itu. Begitulah sekali nasibnya bumiputra terutama kami di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, teringat saya kepada saya kawasan tapak tanah untuk lebih kurang 12 pintu kedai di daerah Mukah yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri beberapa tahun sudah supaya peniaga bumiputra di situ dapat membeli kedai yang berkenaan dengan harga \$40,000 atau \$50,000 satu pintu. Seperti yang saya difahamkan dalam rancangan membuat kedai itu maka MARA dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Sarawak yang sepatutnya telah membuat sebanyak 12 pintu kedai itu supaya bumiputra dapat membeli daripada agensi Kerajaan yang berkenaan dengan cara pinjaman. Nampaknya projek itu sampai hari ini tidak kelihatan. Ada juga berita yang mengatakan jikalau kedai itu dibuat berharga \$40,000 atau \$50,000 kemungkinan peniaga bumiputra di situ tidak berkemampuan membelinya. Dari itulah projek kedai itu tidak dibuat sekarang. Jikalau begini sikap agensi Kerajaan entah sampai bilakah si bumiputra yang miskin dapat mengambil bahagian dalam bidang perniagaan seperti tujuan dasar Kerajaan Barisan Nasional kita pada hari ini? Sekianlah sahaja, terima kasih.

5.59 ptg.

**Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan kepada Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966 ini dizahirkan kerana pertama ialah wangnya telah bertambah dalam peruntukannya. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sendiri harus mengkaji dalam masalah memberikan bantuan kepada badan-badan berkanun atau syarikat-syarikat supaya satu kajian yang betul-betul boleh menguntungkan rakyat negara ini. Kerana wang ini ialah wang pembangunan yang bukan tertentu kepada bumiputra tetapi menuju kepada rakyat seluruhnya. Jadi dalam apa benda yang kita buat, yang kita rancangkan kajian teliti perlu dibuat. Banyak Badan-badan Berkanun sekarang ini bukan rugi, tetapi setengah-setengahnya tidak berjalan begitu penuh hati ialah dengan sebab kurang orang yang mahir, kemahiran atau tenaga kemahiran dan juga

kekurangan kewangan. Kita berharap dengan adanya Bill ini hendaknya janganlah menjadi satu perkara yang lumrah sahaja bahawa Kerajaan telah memperuntukkan wang sebanyak \$500 juta kerana Kumpulanwang Pelaburan.

Kita tidak hendak dengar kesah Kilang Gula di Negeri Sembilan berlaku lagi di Perlis, umpamanya ataupun Badan-badan Berkanun, Syarikat-syarikat yang dianjurkan oleh Kerajaan dalam Negeri-negeri yang di dalamnya ada disyaki ada penyelewengan, maka saya harap Badan-badan Kerajaan yang berkuasa sama-sama memerhatikan perjalanan Badan-badan Berkanun ini.

BSN umpamanya satu Badan yang harus meneliti perkara yang seumpama ini, berlaku penyelewengan dalam Badan Berkanun. Kalau ada 500 billion sekali pun yang diperuntukkan oleh Kerajaan, jikalau bocor-bocor ini tidak dicari dan kalau ada bocor-bocor ini tidak kita mahu ambil tahu sengaja kita lupakan, maka wang negara kita hancur dan akan sia-sia. Kejatuhan atau kerugian Kilang Gula di Negri Sembilan telah kita tanya tadi, salah Kerajaankah atau salah pentadbir. Jawabnya kita faham bahawa cerita ular dengan katak berulang semula bahawa katak mati dimakan oleh ular. Apabila ditanya lagi ular akan menjawab memang makanan kami. Adakah satu kuasa lain yang boleh mematak ular ini, ini perlu kita timbulkan, sebab, banyak Badan Berkanun yang kadangkala tidak dapat ditegur atau diketahui rakyat cara menyeluruh maka perlulah diperhatikan oleh BSN. Bukan cara kira-kira yang dikehendaki oleh sahabat saya tadi, kira-kira dijuru odit oleh juru kira-kira, tetapi bocor yang ditampal yang tidak nampak kesan itu perlu disiasat dan dikesani.

Kalau sudah 20 tahun, Tuan Yang di-Pertua, negara ini merdeka sekian banyak wang yang telah diperuntukkan tidak juga penuh kejayaan kita, kepada siapa kita hendak salahkan? Kalau hendak salahkan Ahli Dewan Negara, kami telah bercakap. Kalau hendak kata tidak ada Badan Berkanun, Badan Berkanun sudah ada, sudah wujud maka sekarang perlulah Kerajaan bukan sahaja Kerajaan Pusat tetapi Kerajaan Negeri, juga sama perlu mengkaji dan membaiki perkara ini. Kalau perlu dia dibawa ke muka pengadilan Kerajaan harus bawa dia ke muka pengadilan. Jangan kerana kita pandang ia seorang yang kita hormati, kita

sekan. Jikalau dia melanggar syarat dan amanahnya kerana memusnahkan wang negara atau penyelewengan wang rakyat sama ada wang yang terkumpul atau pentadbiran kekayaan alam umpamanya yang diusahakan oleh Badan-badan itu, orang-orang kuat Badan-badan itu perlu menerima hukuman. Kita bukan berkehendakkan 30% penyertaan bumiputra, Tuan Yang di-Pertua, dari segi kewangan. Kalau berkehendakkan 30% penyertaan orang Melayu, bumiputra berkecimpung dalam DEB (Dasar Ekonomi Baru), Kerajaan boleh meletak 10 orang cukup akan sama modalnya dengan 30%. 40 atau 50 orang jutawan-jutawan ini sudah cukup tetapi pada hakikat DEB, ialah penyertaan. Itu yang dikehendaki. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, bila bercakap dalam soal pelaburan ini kita mesti mengakui hakikat kalau Kerajaan salah, Government harus mengakui di mana punca kesalahan ini.

Adakah tidak seimbang peraturan-peraturan yang di dalam Undang-undang Perbadanan-perbadanan itu? Kalau itu kelemahan yang timbul, maka harus kita perbaiki. Kalau ada kebocoran dari segi kurang amanah, orang ini dibawa ke pengadilan keadilan. Jikalau 10 jung (kapal) masuk, anjing bercawat ekor juga. Yakni kekallah penyelewengan itu terus menerus.

Dalam soal wang pelaburan ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan khusus untung kepada bumiputra atau Melayu sahaja. Kerana ini wang Kerajaan yang melalui Perbadanan yang faedahnya kepada rakyat negara ini termasuk orang bukan Melayu dan juga Melayu. Tetapi oleh sebab orang bukan Melayu sudah lumrah sedikit kedudukannya. Maka sudah sepatutnya mereka sungguh-sungguh menyokong Kerajaan bagi mentadbirkannya untuk kebajikan negara mendapatkan faedah daripada pembangunan ini, ini perlu, Tuan Yang di-Pertua, contohnya kalau sekiranya kita buat satu bangunan sekolah orang yang mula-mula mendapat faedah ialah kontrak meratakan tanah, dan mereka mula-mula sudah dapat faedah. Taukeh yang jual simen, besi sudah dapat faedah, kontrak yang mendirikan rumah itu sendiri sudah dapat faedah. Kita baharu dapat menghantar anak ke sekolah. Itu faedah kita. Jadi dalam masalah ini, ketegasan saya minta kepada Kerajaan supaya Kerajaan lebih tegas dalam mengendalikan Badan-badan Berkanun ini dalam keadaan meneliti, memerhati supaya Badan-badan ini tidak menyeleweng dari

dasar negaranya. BSN umpamanya perlu perhati, selidik perkara-perkara yang lazimnya terlindung dari pandangan umum, tetapi diperkatakan di sana sini.

Yang kedua, saya sarankan di sini ada Perbadanan yang diwujudkan oleh Kerajaan Pusat, ada Perbadanan-perbadanan yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri. Kadangkala Kerajaan Negeri sendiri pun untuk menjaga maruahnya walaupun rancangan Badan berkenaan menjalankan slow sedikit, ada baiknya Kerajaan Pusat berunding dengan Kerajaan Negeri supaya faedahnya dapat dipertimbangkan. Umpamanya, saya beri contoh. MARA mendirikan kompleks kayu di Pahang. Dengan modal sekian-sekian juta. Kerajaan di Pahang cuma mempunyai 10% sahaja sharenya daripada syarikat tersebut. Yang kedua, Kerajaan Pahang terpaksa menyediakan kawasan yang tidak kurang daripada 400,000 ekar untuk kompleks perkayuan yang ditubuhkan itu. Kompleks perkayuan tersebut tidak menghasilkan keuntungan. walaupun pada kadarnya Kerajaan Negeri cuma rugi 10% tetapi pada nisbah jangka panjang Kerajaan Negeri Pahang rugi 400,000 ekar kerana membiayai sebuah syarikat.

Misalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, joint-venture anak syarikat daripada Perbadanan-perbadanan yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri ini pun perlu diperhatikan oleh Kerajaan Pusat supaya syarikat-syarikat ini berjalan baik. Modal biar lebih daripada 51% mengikut amalan biasa, kalau modalnya lebih 51% maka haruslah Perbadanan menguasai syarikat itu. Kerajaan Negeri umpamanya tidak begitu ghairah atau Berbadanan ini tidak pula berbuat apa-apa, Kerajaan Pusat mesti tengok, tidak guna kita memperuntukkan \$500 juta, apa akan diterangkan kepada rakyat \$500 juta peruntukan untuk pelaburan ini. Maka dengan itulah kawan-kawan kita dan saudara-saudara kita di negeri-negeri mendengar khabar bahawa wang pembangunan sudah diperuntukkan. Kalau mereka makan hari itu ikan kering umpamanya, akan bertambahlah sepinggan lagi nasinya apabila membaca suratkhobar. Betapa ghairah mereka mendengar khabar itu. Tetapi apa yang sebenarnya cuma dua Perbadanan sahaja yang sekarang ini, kita yakin dan kita boleh angkat songkok memberi penghargaan iaitu perbadanan memajukan tanah yang diusahakan

oleh FELDA dan FELCRA dan ini nampaknya menambah dan memperbaiki nasib rakyat kita. Mengapa lain-lain Perbadanan yang ada anak syarikat ini yang perjalanannya lain macam, Kerajaan masih tutup mata, bagaimanakah B.S.N. yang diberi amanah negara masih diam juga. Dalam zaman pembangunan mesti ada pengorbanan dan jikalau seseorang itu difikirkan menyebabkan kehancuran negara atau negeri maka tindakan patut diambil kepada mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya bawa contoh sekarang ini Pelabuhan Kuantan yang dibuat lebih awal daripada pelabuhan di Johor tetapi sehingga sekarang ini masih belum siap dan masih didapati kerosakan sehingga Kerajaan Pusat tidak dapat menyalahkan sama ada kontraktor salahkan atau orang yang mula-mula merancangannya salah, perundingankah yang salah. Maka satu Badan perundingan lain pula telah diangkat untuk mengkaji siapa di antara dua ini yang salah. Kita telah bercadang membuka pelabuhan di Kota Bharu, di Kuching dan di Miri, hendaknya tidak berlaku perkara yang saya sebutkan berlaku dua kali hendaknya. Kerana wang yang membelanjakan itu ada wang rakyat maka harus kita lebih-lebih cermat lagi.

Kalau kita fikirkan Perbadanan itu perlu dibubarkan, kita bubarkan. Kalau Kerajaan harus menambah kewangannya sebagaimana Kerajaan memberi bantuan menghidupkan semula Bank Rakyat, Kerajaan harus tambah. Bank Rakyat sekarang ini dihidupkan semula setelah kehancurannya dibaiki oleh Kerajaan, sekarang sudah boleh bersuara, boleh hidup. Sedangkan Lembaga Pengarahnya yang dahulu sudah nasihatkan Kerajaan supaya Bank Rakyat ini dijadikan commercial bank tetapi orang Bank Negara yang tidak mahu beri. Orang yang macam ini kita bersarakan. Bila sudah jadi begini, berapa ribu juta ringgit yang diberi kepada Bank Rakyat kerana hendak menghidupkan Bank Rakyat kerana ini adalah modal daripada rakyat. Kalau menjadi commercial bank pada hari itu barangkali ini semuanya tidak terjadi.

Berbalik semula kepada pelaburan, Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan dua perkara. Pertama, Kerajaan mesti meneliti Badan-badan Berkanun ini dan mana yang perlu dibantu tambahlah wang macam Perbadanan Kraftangan yang kita luluskan

undang-undangnya dalam Dewan ini dahulu. Saya hendak cari tikar pun tidak ada di Kuala Lumpur, di manakah tempatnya. Kalau Tuan Yang di-Pertua bawa pelawat dari luar negeri tentu tidak dapat cari di mana tempatnya. Saya mintalah tolong tambah sedikit kepada Perbadanan Kraftangan ini supaya ada aktivitinya dan kalau tidak cukup pegawai, tambahkan.

Yang kedua, kalau sekiranya dalam Badan-badan Berkanun itu ada "naga bora" tangkap naga ini. Ikan bilis pun tangkap juga. Saya tidak suruh ikan bilis sahaja ditangkap tetapi "naga bora" pun ditangkap supaya boleh dibaiki dan kalau ini tidak dibuat, hanya saya mendoakan sahaja Bill ini apabila diluluskan dengan hati yang penuh percaya sebabnya tiap-tiap penyakit mesti diberi ubat, Tuan Yang di-Pertua. Kalau \$250,000 seorang manusia yang berkhidmat kerana parti dia dimasukkan 6 tahun dalam jel, tiada sebab kalau sekiranya "naga bora" yang menghisap berjuta-juta ringgit, ini lepas liar ke angkasa raya negara kita ini. Saya bukan hendak mencabar BSN, tetapi khidmatnya slow sangat. Tolong masuk gear sedikit. Bila masuk gear, beri hon, dia tahu, jadi dia ketepi sampai dia betul. Kalau dia betul, okay boleh jalan terus.

Tuan Yang di-Pertua, saya pendekkan ucapan saya, saya menyokong dengan penuh hati supaya Bil ini diluluskan.

6.22 ptg.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun berucap dan menyokong Rang Undang-undang ini.

Yang Berhormat Mulia Raja Datuk Nong Chik tadi telah dengan suka hati memberi kita pandangan sepintas lalu sejarah ekonomi bumiputra. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Tengku. Memang benarlah dengan adanya Yayasan Pelaburan Bumiputra ini dapatlah kita mempercepatkan tercapainya matlamat-matlamat dasar Ekonomi Baru terutama sekali tercapainya matlamat untuk membolehkan kaum bumiputra mendapatkan hakmilik 30% di dalam sektor perindustrian dan perniagaan khususnya dalam segi hakmilik ekuiti atau saham. Dan ini memanglah selaras dengan kehendak dasar Ekonomi Baru.

Yang Berhormat Mulia juga tadi ada mengatakan mungkin dengan penjelasan yang diberi oleh beliau bolehlah kita mendapat simpati, iaitu orang bumiputra dapat simpati daripada golongan bukan bumiputra. Mungkin, Tuan Yang di-Pertua, kita bukan hendakkan simpati daripada orang bukan bumiputra. Yang perlu kita meminta rasa saya ialah supaya kaum rakan kita ini memahami dengan benar dan mendalam hakikat di sebalik Dasar Ekonomi Baru dan juga rasional di sebalik atau yang menjadi asas kepada dasar-dasar Kerajaan yang bertujuan membantu kaum bumiputra seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat tadi. Ini ialah supaya dapat kita meminta fahaman yang mendalam supaya tidak timbul perasaan curiga dikalangan mereka terhadap dasar-dasar Kerajaan dan juga tidak timbul gejala-gejala yang boleh menghalang ataupun membantutkan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Dan lebih penting juga, rasa saya supaya wujud pula perasaan yang tulus ikhlas dan juga perasaan yang jujur di kalangan rakan-rakan kita yang bukan bumiputra untuk bekerjasama dengan Kerajaan dan juga bekerjasama dengan rakan-rakan bumiputra untuk membantu mencapai Dasar Ekonomi Baru. Inilah rasa saya yang kita hendak minta, bukan sebenarnya simpati.

Begitu juga Yang Berhormat Senator Alex Lee dan juga Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Razak Hussain telah membangkitkan soal perlunya Kerajaan meneliti segala projek-projek yang akan dijalankan oleh syarikat-syarikat terutama mereka yang mendapat biayai kewangan atau modal daripada Kerajaan. Memanglah pihak Kerajaan khususnya pihak Kementerian Kewangan sangat memandang berat kepada keupayaan tiap-tiap syarikat, tiap-tiap badan Kerajan yang dibiayainya untuk terus mempunyai daya hidup. Dan benarkanlah saya berkata bahawa pihak Kerajaan terutamanya pihak Kementerian Kewangan telah dan akan terus mengambil langkah-langkah pentadbiran termasuklah juga langkah undang-undang, misalnya meminda Akta-akta yang berkaitan. Dengan langkah-langkah ini atau pindaan-pindaan ini dapat kita perketatkan kawalan ke atas agensi-agensi dan juga syarikat yang dibiayai oleh Kerajaan terutama sekali kalau ianya dibiayai oleh Kerajaan Pusat.

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Latip bin Haji Dris tadi membangkitkan soal tentang pinjaman \$10,000 ke bawah hendakkan cagaran 100 ekar di Sarawak. Sebenarnya, biasanya kalau sesebuah projek itu viable maka ianya boleh mendapat pinjaman hingga \$30,000 di bawah sekim CGC tanpa cagaran. Biasanya cagaran ini diperlukan hanya bagi projek-projek yang viabilitasnya agak marginal sedikit, maknanya was-was tentang boleh hidup, jadi bank memerlukan cagaran. Jikalau tidak di bawah CGC tidak memerlukan cagaran untuk pinjaman \$30,000 ke bawah.

Yang Berhormat Tan Sri Abdul Razak dan juga Senator Alex Lee juga Yang Berhormat Mulia Tengku tadi juga membangkitkan soal kerugian yang telah dialami oleh syarikat-syarikat Gula Negeri dan sebagainya. Sebenarnya kerugian di syarikat-syarikat ini tidaklah boleh ditunjukkan satu-satu sebab sahaja. Ada berbagai-bagai sebab mengapa syarikat seperti itu gagal. Ada kalanya pentadbiran dan pengurusannya kurang cekap. Ada kalanya cara pentadbiran atau operasi syarikat itu tidak mengikut landasan-landasan perniagaan yang bijak atau yang wajar dan ada kalanya kecurangan-kecurangan berlaku. Tetapi kadang-kadang ada perkara-perkara yang mana kita boleh perbetulkan apabila kita tahu dengan serta merta. Tetapi ada kalanya perkara itu berlanjutan kerana kita dapat tahu lambat sedikit maka kerugiannya itu lebih besar.

Izinkanlah saya mengatakan bahawa sebenarnya bagi syarikat-syarikat Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan yang menjalankan projek-projek atau perniagaan bolehlah kita kelaskan projek-projek ini kepada dua kategori. Satu Badan-badan Kerajaan, Syarikat-syarikat Kerajaan yang menjalankan kegiatan berbentuk sosio-ekonomi dan yang satu lagi yang menjalankan kegiatan atau operasi berbentuk komersial semata-mata. Bagi mereka yang berbentuk sosio-ekonomi biasanya mereka juga diharapkan atau diminta ataupun ditugaskan untuk memenuhi beberapa keperluan. Misalnya mereka ditubuhkan bukan sahaja untuk berniaga tetapi untuk memenuhi hasrat-hasrat lain iaitu yang berbentuk sosio-ekonomi misalnya untuk mewujudkan latihan bagi bumiputra, mewujudkan peluang pekerjaan untuk anak-anak muda. Jadi oleh kerana ada pertimbangan sosio-ekonomi maka kerap

kali kejayaan mereka tidak diukur semata-mata dari segi keuntungan kerana mereka memberi faedah dalam bentuk lain. Tetapi bagi syarikat-syarikat yang memang ditubuhkan khas untuk berniaga dan khas untuk bertanding dalam swasta, berniaga seperti swasta yang lain, pada pendapat saya tiada sebab mengapa syarikat-syarikat ini yang semata-mata berbentuk komersial tidak boleh maju, jikalau mereka mengikut landasan-landasan perniagaan, mengikut cara-cara berniaga yang sebenarnya. Kerana kalau 100% komersial maka digunakanlah asas-asas dan kriteria komersial. Maka di situ kejayaan atau kegagalannya kita ukur dari segi balance sheet dan profit dan sebagainya. Kalau ia untung maknanya dia maju, kalau tidak untung ada silapnya.

Apabila kita memberi penilaian terhadap syarikat-syarikat Kerajaan ini perlu juga kita lihatkan dua kategori supaya kita tidak

memberi ukuran yang silap atau yang kurang wajar, kerana syarikat sosio-ekonomi ini memang kita tidak minta dia untung semata, asalkan dia dapat memenuhi syarat-syarat lain. Tetapi yang komersial ini, kalau tidak untung, itu mestilah ditengok di mana silapnya. Dan seperti saya katakan tadi usaha ini memang dijalankan sekarang khususnya oleh Kementerian Kewangan. Langkah-langkah memperketatkan lagi kawalan di mana yang ada kuasa Kerajaan Persekutuan mengawal, memang telah dibuat, tetapi ada syarikat-syarikat ini di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 21hb Disember, 1979.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*